



MALAYSIA

**PERATURAN-PERATURAN PERLU
(RUKUN TETANGGA)**

(P.U. (A) 279/75)

**PERATURAN-PERATURAN PERLU
(RUKUN TETANGGA) 1975**

(P.U. (A) 279/75)

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran
3. Perlantikan Ketua pengarah Rukun Tetangga dan lain-lain pegawai dan kakitangan.
4. Perwakilan kuasa.
5. Kuasa Menteri untuk membuat Perintah.
- 5A. Penetapan Kawasan Rukun Tetangga.
- 5B. Pelantikan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga.
- 5C. Tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga.
6. Penetapan sesuatu Pendaftaran dan penyampaian butir-butir oleh pemastautin.
- 6A. Penetapan sesuatu Sektor Keselamatan.
- 6B. Pembatalan penetapan di bawah peraturan 5A, 6 atau 6A dan penetapan semula.
7. Pelantikan sebuah Jawatankuasa Sektor.
8. Tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan Jawatankuasa Sektor.
9. Kuasa-kuasa Jawatankuasa Sektor.
10. Ahli sesuatu Jawatankuasa disifatkan sebagai seorang mata-mata dengan kewajipan dan kuasa sama dengan mata-mata.
11. Mesyuarat Jawatankuasa, korum dan minit-minit.
12. Penubuhan Kumpulan Wang Amanah Rukun Tetangga, dan pemungutan serta penerimaan wang bagi maksud-maksud Rukun Tetangga.
13. Unit Kemastautinan dan Ketua-Ketua Jiran.
14. Tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa seorang Ketua Jiran.
- 14A. Unit-unit Kemastautinan Kawasan dan Ketua-Ketua Jiran Kawasan.
- 14B. Tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan seorang Ketua Jiran Kawasan.

Peraturan

15. Pusat Kawasan atau Sektor.
16. Rekod bukan pemastautin memasuki atau terus berada dalam sesuatu Sektor selepas tengah malam.
17. Sekatan-sekatan berkenaan dengan bermalam dalam sesuatu Sektor.
18. Peronda dan pengawal Sektor.
19. Roster tugas-tugas.
20. Pemastautin-pemastautin tak berkelayakan boleh secara sukarela bertugas meronda atau mengawal.
21. Peruntukan khas berhubung dengan pemastautin-pemastautin berkelayakan yang bekerja sendiri.
22. Batasan-batasan berhubung dengan tugas meronda atau mengawal.
23. Pemerintahan bagi pasukan dalam tugas meronda atau mengawal.
24. Senjata-senjata yang meronda atau pengawal boleh bawa.
25. Kewajipan dan kuasa peronda atau pengawal.
26. Penyertaan oleh anggota-anggota tentera, *dll*, dalam kewajipan-kewajipan sesuatu Jawatankuasa, seseorang Ketua Jiran atau pemastautin berkelayakan.
27. Perhubungan tugas meronda atau mengawal dengan pekerjaan.
- 27A. Permohonan untuk mengendalikan suatu Skim Rondaan Sukarela.
- 27B. Kelulusan sesuatu Skim, permulaannya dan tanggungjawab tiap-tiap ahli Jawatankuasa Skim berhubung dengan Skim itu.
- 27C. Sekatan terhadap penyertaan dalam sesuatu Skim
- 27D. Daftar pemastautin sukarelawan.
- 27E. Penyelenggaraan rekod rondaan.
- 27F. Rupa diri peronda-peronda di bawah sesuatu Skim.
- 27G. Pemerintahan dalam kumpulan pada masa meronda.
- 27H. Senjata-senjata yang boleh dibawa oleh pemastautin sukarelawan pada masa membuat rondaan.
- 27I. Kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa dan imuniti-imuniti seseorang pemastautin sukarelawan pada masa membuat rondaan.
- 27J. Pampasan bagi kecederaan.
- 27K. Kesalahan-kesalahan oleh pemastautin sukarelawan.
- 27L. Peraturan 27 dan 28 tidak terpakai berhubung dengan sesuatu Skim.
- 27M. Peraturan 35 dan 36 terpakai bagi seseorang pemastautin sukarelawan dan sesuatu Jawatankuasa Skim atau seseorang ahlinya.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

5

Peraturan

- 27N. Keahlian pemastautin-pemastautin sukarelawan baru, dan penarikan diri pemastautin-pemastautin sukarelawan.
- 27O. Perbelanjaan pengendalian Skim hendaklah menjadi tanggungjawab Skim.
- 27P. Kuasa Ketua pengarah untuk membatalkan kelulusan bagi sesuatu Skim, atau menggantungnya atau mengubahsuaikannya atau mengarah pemberhentian penyertaan oleh seseorang pemastautin sukarelawan tertentu.
- 27Q. Pengarah boleh melaksanakan fungsi-fungsi, *dsb.*, Ketua Pengarah.
28. Pekerja tidak boleh mengalami kehilangan saraan atau apa-apa mudarat.
29. Tiada apa-apa saraan dibayar kepada seseorang pemastautin berhubung dengan menjalankan apa-apa kewajipan atau tugas di bawah Peraturan-peraturan ini.
30. Pampasan bagi kecederaan,
31. Kesalahan-kesalahan oleh seseorang peronda atau pengawal terhadap disiplin.
32. Pengecualian.
33. Kewajipan pemastautin-pemastautin Sektor.
34. Kewajipan pemastautin berhubung dengan aktiviti-aktiviti yang memudaratkan atau membencanakan masyarakat Sektor.
35. Kuasa Pengarah untuk memberi arahan kepada mana-mana Jawatankuasa Ketua Jiran atau pemastautin.
36. Kuasa Pengarah untuk menghendaki ahli-ahli Jawatankuasa, Ketua Jiran atau pemastautin supaya hadir menerima arahan, latihan *dll.*
37. Kuasa Pengarah berhubung dengan laporan dan maklumat daripada sesebuah Jawatankuasa atau Jawatankuasa Kawasan, seseorang Ketua Jiran atau seseorang Ketua Jiran Kawasan atau seseorang pemastautin.
38. Kuasa untuk menangkap, menyita, menyiasat dan mendakwa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan dengan kesalahan-kesalahan di bawah peraturan-peraturan ini.
39. Kuasa untuk memasuki premis.
40. Penyatuan antara Jawatankuasa-jawatankuasa.
41. Kesalahan-kesalahan menghalang, menyerang, menghasut melakukan kesalahan, *dll.*
42. Akudiri.
43. Kenyataan palsu.
44. Penalti.
45. (Dimusnahkan oleh P.U. (A) 389/82).

[Susunan Peraturan]

6

P.U. (A) 279/75

Peraturan

46. Cantuman kesalahan-kesalahan.
47. Kanun Keseksaan.
48. Perlindungan pihakberkuasa-pihakberkuasa awam.
49. Peraturan-peraturan ini hendaklah dipakai.

JADUAL.

**PERATURAN-PERATURAN PERL
(RUKUN TETANGGA) 1975**

(P.U. (A) 279/75)

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah seksyen 2 Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat No. 1 1969+, Yang di-Pertuan Agong dengan ini membuat peraturan-peraturan:

P.U. (A)
146/69.

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-peraturan Perlu. (Rukun Tetangga) 1975, dan hendaklah dipakai bagi seluruh Malaysia.

Nama,
pemakaian
dan mula
berkuat kuasa.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang menetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta*, dan tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi mana-mana Negeri-negeri atau mana-mana bahagian-bahagian di Malaysia.

2. (1) Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain –

Tafsiran

“Borang” ertinya sesuatu borang yang dinyatakan dalam Jadual kepada Peraturan-peraturan ini;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Sektor Pendaftaran atau Jawatankuasa Sektor Keselamatan, mengikut mana yang terpakai;

P.U. (A)
23/88.

“Jawatankuasa Kawasan” ertinya Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga yang dilantik di bawah peraturan 5B (1);

P.U. (A)
23/883

“Jawatankuasa Sektor Keselamatan” ertinya Jawatankuasa yang dilantik di bawah peraturan 7 berkenaan dengan sesuatu Sektor Keselamatan yang ditetapkan di bawah peraturan 6A;

P. U. (A)
23/88

“Jawatankuasa Sektor Pendaftaran” ertinya Jawatankuasa yang dilantik di bawah peraturan 7 berkenaan dengan sesuatu Sektor Pendaftaran yang ditetapkan di bawah peraturan 6;

P. U. (A)
23/88

+ Sah menurut seksyen 13 (2) Akta 216.
* 12-9-1975 P.U. (B) 370/75; 1-2-1998 – P.U. (B) 13/88.

[Per. 2]

8

P. U. (A) 279/75

P.U.(A)
23/88.

“Jawatankuasa Skim” ertinya Jawatankuasa Kawasan atau Jawatankuasa Sektor Pendaftaran, mengikut mana yang berkenaan, berhubung dengan suatu Skim Rondaan Sukarela yang dikendalikan olehnya di dalam sesuatu Kawasan atau Sektor Pendaftaran, mengikut mana yang berkenaan;

P.U. (A)
389/82

“Kawasan” ertinya suatu Kawasan Rukun Tetangga yang ditetapkan di bawah peraturan 5A;

P.U. (A)
389/82

“Ketua Jiran” ertinya seseorang Ketua Jiran yang dilantik di bawah peraturan 13 (1);

P. U. (A)
23/88.

“Ketua Jiran Kawasan” ertinya Ketua Jiran Kawasan yang dilantik di bawah peraturan 14A (1);

“Menteri ertinya Perdana Menteri;

“Pegawai” ertinya seseorang Pengarah dan termasuklah mana-mana pegawai atau kakitangan lain yang dilantik di bawah peraturan 3 (2);

P. U. (A)
389/82.

“pemastautin” berhubung dengan sesuatu Sektor ertinya seseorang yang biasanya pemastautin dalam sesuatu Sektor dan termasuklah seseorang yang telah bermastautin secara berterusan dalam sesuatu Sektor selama tempoh lebih daripada satu bulan sesebuah hotel, rumah tumpangan, rumah penginapan, asrama atau lain-lain tempat yang menyediakan tempat tinggal dan berhubung dengan sesuatu Kawasan, ertinya seseorang yang biasanya bermastautin dalam Kawasan itu;

P. U. (A)
23/88.

“pemastautin berkelayakan” ertinya seseorang laki-laki yang telah mencapai umur lapan belas tahun tetapi belum lagi mencapai umur lima puluh tahun dan adalah seseorang pemastautin sesuatu Sektor dan bukan seseorang yang dikecualikan di bawah peraturan 32;

“pemastautin sukarelawan ertinya -

P. U. (A)
23/88.

(a) seseorang yang telah membuat permintaan dalam Bahagian A Borang Enam untuk menyertai sesuatu Skim Rondaan Sukarela, telah dinamakan dalam Senarai di bawah.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

Butiran (F) Borang Enam, dan telah menurunkan tandatangannya bersetentangan dengan namanya dalam Senarai tersebut; atau

- (b) seseorang yang telah dimasukkan sebagai peserta dalam sesuatu Skim Rondaan Sukarela di bawah perenggan (1) dan (2) peraturan 27N,

dan yang belum menarik diri daripada penyertaan tersebut atau sebaliknya berhenti daripada menyertai atau menjadi layak untuk menyertai Skim Rondaan Sukarela itu;

“pemastautin tetap” ertinya yang telah mendapat kebenaran, yang diberikan tanpa had-had tempoh di bawah mana-mana undang-undang Persekutuan, untuk bermastautin dalam Malaysia, dan termasuklah seseorang yang kepadanya dikeluarkan secara sah mengikut undang-undang kad pengenalan yang bertepikan warna merah di bawah peraturan 5 (2) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1960;

P. U. 151/60.

“Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Rukun Tetangga dan termasuklah Timbalan Ketua Pengarah Rukun Tetangga seseorang Timbalan Pengarah Rukun Tetangga atau seseorang Penolong Pengarah Rukun Tetangga;

“Penolong Pengarah” ertinya seorang Penolong Pengarah Rukun Tetangga yang dilantik di bawah peraturan 3 (2);

“Perintah” ertinya sesuatu Perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah Peraturan-peraturan ini dan disiarkan dalam *Warta*;

“Pusat” ertinya Kawasan Pusat atau Pusat Sektor, di mana berkenaan, yang ditubuhkan di bawah peraturan 15;

P. U. (A)
389/82.

“roster” ertinya roster yang disediakan di bawah peraturan 19;

“Sektor” ertinya sesuatu Sektor Pendaftaran yang ditetapkan di bawah peraturan 6 atau sesuatu Sektor Keselamatan yang ditetapkan di bawah 6A mengikut mana yang berkenaan;

P. U. (A)
389/82.

“Timbalan Ketua Pengarah” ertinya Timbalan Ketua Pengarah Rukun Tetangga yang dilantik di bawah peraturan 3 (2);

“Timbalan Pengarah” ertinya seseorang Timbalan Pengarah Rukun Tetangga yang dilantik di bawah peraturan 3 (2);

P. U. (A)
23/88

“Unit Kemastautinan Kawasan” ertinya Unit Kemastautinan Kawasan yang ditetapkan di bawah peraturan 14A (1);

“Unit Kemastautinan” ertinya Unit Kemastautinan yang ditetapkan di bawah peraturan 13 (1).

(2) Bagi maksud Peraturan-peraturan ini dan mana-mana Perintah, masa yang seseorang mencapai sesuatu umur yang berkenaan atau adalah berumur yang berkenaan hendaklah disifatkan sebagai masa bermulanya ulang tahun yang berkenaan bagi tarikh lahirnya.

Pelantikan
Ketua Pengarah
Rukun Tetangga
dan lain-lain
Pegawai dan
kakitangan.

3. (1) Maka hendaklah ada seseorang Ketua Pengarah Rukun Tetangga yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada ahli-ahli perkhidmatan awam dan hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Menteri menjadi pihakberkuasa bertanggungjawab bagi, dan berkewajipan mentadbir, menjalan dan menguatkuasakan peraturan-peraturan ini dan semua Perintah.

(2) Menteri boleh melantik bagi maksud Peraturan-peraturan ini dan Perintah-perintah itu, daripada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam, seseorang Timbalan Ketua pengarah Rukun Tetangga, dan Timbalan-timbalan Pengarah Rukun Tetangga, Penolong-penolong Pengarah Rukun Tetangga dan lain-lain pegawai dan kakitangan, yang difikirkannya perlu.

(3) Semua pegawai dan kakitangan yang dilantik di bawah perenggan (2) hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Ketua Pengarah.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

(4) Seseorang Pengarah, lain-lain pegawai yang dilantik di bawah Peraturan-peraturan ini dan pegawai-pegawai awam yang dinyatakan di bawah Peraturan-peraturan ini atau mana-mana Perintah hendaklah mempunyai kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah mana-mana Perintah, dan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah sesuatu Perintah boleh termasuk kuasa-kuasa untuk menangkap, menyiasat kesalahan-kesalahan, mendakwa pesalah-pesalah di hadapan mahkamah, memasuki premis-premis atau lain-lain tempat, memeriksa orang atau menggeledah premis, menyita, melucuthak dan mengambil milik benda-benda, menjual dan melupuskan benda-benda yang disita, dilucuthak atau diambil milik, memeriksa premis, tempat, buku, alat kelengkapan dan mengambil milik premis dan lain-lain tempat dan kemudahan-kemudahan, alat-alat kelengkapan dan benda-benda yang berada di dalamnya, sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam sesuatu Perintah, dan peruntukan boleh dibuat dalam sesuatu Perintah untuk kuasa-kuasa itu diwakilkan kepada mana-mana orang berkuasa.

4. (1) Seseorang Pengarah boleh secara bertulis mewakili semua atau mana-mana kuasanya di bawah Peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah kepada mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah peraturan-peraturan 3 (2) dan pelaksanaan kuasa-kuasa di bawah perwakilan itu boleh dihadkan oleh seseorang Pengarah kepada sesuatu kawasan atau kawasan-kawasan tertentu atau dengan apa-apa cara lain yang difikirkan oleh seseorang Pengarah itu patut.

Perwakilan
kuasa.

(2) Sesuatu perwakilan yang dibuat di bawah peraturan ini boleh pada bila-bila masa diubahsuai atau dibatalkan oleh seseorang Pengarah.

(3) Tiada sesuatu perwakilan yang dibuat di bawah peraturan ini boleh disifatkan sebagai melucutkan sesuatu kuasa seseorang Pengarah dan beliau boleh jika difikirkannya patut, menjalankan kuasa itu walaupun perwakilan itu telah dibuat.

Kuasa
Menteri
untuk
membuat
Perintah

5. (1) Menteri boleh membuat Perintah-perintah yang difikirkan perlu atau sesuai bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan Peraturan-peraturan ini.

(2) Sesuatu Perintah yang dibuat di bawah Peraturan-peraturan ini boleh mengadakan peruntukan bagi keterangan boleh diterima atau tidak boleh diterima, beban membuktikan, sesuatu keterangan dimasukkan sebagai suatu pembelaan, perlindungan bagi pemberi maklumat, maklumat atau kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh seseorang yang dituduh atau mana-mana orang lain boleh diterima, atau apa-apa perkara lain berhubung dengan keterangan bagi maksud sesuatu pembicaraan di bawah Peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah.

(3) Sesuatu Perintah boleh ada hubungannya dengan seluruh atau sebahagian Malaysia.

(4) Sesuatu Perintah hendaklah disiarkan dalam Warta.

Penetapan
Kawasan
Rukun
Tetangga
P. U. (A)
389/82.

5A. Ketua Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, melalui notis yang diumumkan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, menetapkan mana-mana kawasan menjadi Kawasan Rukun Tetangga.

Pelantikan
Jawatankuasa
Kawasan
Rukun Tetangga.
P. U. (A)
389/82.

5B. (1) Seseorang Pengarah hendaklah, dalam masa satu bulan dari tarikh penetapan suatu Kawasan di bawah peraturan 5A, atau dalam apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah, melantik berkenaan dengan Kawasan itu suatu Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga yang terdiri daripada sebilangan pemastautin Kawasan itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Perenggan (2), (3), (5), (6) dan (7) peraturan 7 adalah terpakai kepada Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga sebagaimana jua ia terpakai kepada suatu Jawatankuasa Sektor.

(3) Seseorang ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan dengan mengutus surat yang dialamatkan kepada Pengarah.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

(4) Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga hendaklah bermesyuarat tidak kurang daripada sekali dalam dua bulan dan perenggan 2), (3), (4), (5) dan (6) peraturan 11 adalah terpakai kepada Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga sebagaimana jua ia terpakai kepada suatu Jawatankuasa Sektor.

5C. Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga hendaklah menjalankan di dalam Kawasan yang berkenaan di mana ia dilantik –

Tugas-tugas
dan
Kewajipan-kewajipan
Jawatankuasa
Kawasan
Rukun
Tetangga.
P. U. (A)
389/82.

- (a) apa-apa aktiviti seperti memajukan, membangunkan atau menyelenggarakan, atau yang sesuai bagi pemajuan, pembangunan atau penyelenggaraan –
 - (i) kejiranan, muhibah, kerjasama, harmoni dan kepercayaan dan keyakinan bersama di kalangan pemastautin Kawasan itu;
 - (ii) kebajikan, kesentosaan, kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pemastautin-pemastautin Kawasan itu; dan
- (b) apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, mengarahkan supaya dijalankan.

6. (1) Menteri boleh, dari masa ke semasa, dengan notis yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan sesuatu Kawasan Rukun Tetangga atau mana-mana bahagian Kawasan sebagai Kawasan Rukun Tetangga, menjadi suatu Sektor Pendaftaran.

Penetapan
sesuatu
Sektor
Pendaftaran
dan
Penyampaian
Butir-butir
oleh
pemastautin
P. U. (A)
389/82.

(2) Jika Menteri menetapkan sesuatu Sektor Pendaftaran, tiap-tiap pemastautin Sektor itu yang berumur lebih daripada lima belas tahun hendaklah menyampaikan kepada mana-mana pegawai yang dinyatakan dalam notis penetapan Sektor itu butir-butir dalam Borang Satu dalam masa sesuatu tempoh yang dinyatakan dalam notis penetapan itu.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

(3) Jika seseorang mencapai umur lima belas tahun, atau jika seseorang mula bermastautin dalam sesuatu Sektor, selepas penetapan Sektor itu, dia hendaklah menyerahkan butir-butirnya dalam Borang Satu kepada pegawai yang dinyatakan dalam notis penetapan Sektor itu dalam masa tempoh tiga puluh hari selepas dia mencapai umur lima belas tahun atau selepas dia mula bermastautin dalam Sektor itu, mengikut mana yang berkenaan.

(4) Apabila terdapat apa-apa perubahan tentang apa-apa butir yang telah dikemukakan oleh seseorang pemastautin dalam Borang Satu, dia hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari perubahan itu, menyerahkan secara bertulis maklumat perubahan itu kepada pegawai yang kepadanya butir-butir dalam Borang Satu telah diserahkan menurut perenggan (2).

P. U. (A)
389/82.

(5) Seseorang Pengarah boleh pada bila-bila masa mengarahkan secara bertulis seseorang pemastautin Sektor menyerahkan butir-butirnya dalam Borang Satu dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu, dan seseorang Pengarah boleh membuat arahan itu tanpa mengendahkan sama ada atau tidak pemastautin itu telah menyampaikan butir-butir di bawah perenggan (2), (3) atau (4), dan tanpa mengendahkan sama ada atau tidak pemastautin itu telah didakwa terhadap sesuatu kesalahan di bawah Peraturan ini, dan jika pemastautin itu telah didakwa sedemikian, tanpa mengendahkan keputusan pendakwaan itu.

P. U. (A)
389/82.

(6) Mana-mana orang yang menggemari atau tidak mematuhi perenggan (2), (3), (4) atau (5) adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

P. U. (A)
389/82.

(7) Perenggan (3), (4), (5) dan (6) adalah terpakai berhubungan dengan suatu Sektor Keselamatan sebagaimana jua ia terpakai kepada suatu Sektor Pendaftaran.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

6A. (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, dengan notis yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan mana-mana Sektor Pendaftaran sebagai suatu Sektor Keselamatan, dan setelah penetapan itu mula berkuat kuasa, Jawatankuasa Sektor yang dilantik berkenaan dengan Sektor Pendaftaran itu hendaklah disifatkan sebagai Jawatankuasa Sektor yang dilantik berkenaan dengan Sektor Keselamatan yang ditetapkan sedemikian.

Penetapan
suatu
Sektor
Keselamatan.
P. U. (A)
389/82.

(2) Peruntukan-peruntukan peraturan 16 hingga 25 (termasuk kedua-duanya) dan peraturan 27 adalah terpakai hanya berhubungan dengan sesuatu Sektor Keselamatan, dan tidaklah terpakai berhubungan dengan sesuatu Kawasan Rukun Tetangga atau Sektor Pendaftaran.

6B. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, dengan notis yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan mana-mana penetapan di bawah peraturan 6 atau 6A, dan Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa, dengan notis yang diumumkan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut, membatalkan mana-mana penetapan di bawah peraturan 5A.

Pembatalan
penetapan
di bawah
Peraturan 5A,
6 atau 6A dan
penetapan
semula.
P. U. (A)
389/82.

(2) Apa-apa pembatalan di bawah perenggan hendaklah tidaklah menyentuh kuasa untuk memasukkan, selepas sahaja pembatalan itu. Atau pada bila-bila masa selepas itu, mana-mana kawasan atau bahagian kawasan yang berkenaan dengannya pembatalan itu telah dibuat dalam suatu penetapan baru di bawah peraturan 5A, 6 atau 6A.

(3) Jika apa-apa penetapan di bawah peraturan 5A, 6 atau 6A adalah dibatalkan, atau mana-mana kawasan atau bahagian kawasan yang berkenaan dengannya pembatalan itu telah dibuat adalah dimasukkan dalam suatu penetapan baru di bawah peraturan 5A, 6 atau 6A maka bolehlah dimasukkan dalam notis yang membuat pembatalan atau penetapan itu apa-apa peruntukan berupa peralihan, bangkit atau bersampingan sebagaimana yang perlu atau bermanfaat.

(4) Tanpa menyentuh kelulusan peruntukan-peruntukan perenggan (3), jika penetapan seluruh atau mana-mana bahagian sesuatu kawasan sebagai Sektor Pendaftaran di bawah peraturan 6 atau sebagai Sektor Keselamatan di bawah peraturan 6A dibatalkan di bawah peraturan 6B, dan seluruh atau mana-mana bahagian itu dibuat adalah dimasukkan dalam penetapan baru sesuatu Sektor di bawah peraturan 6 atau 6A, notis yang membuat penetapan baru itu boleh, jika Menteri sifatkan mustahak berbuat demikian, memperuntukkan bahawa –

- (a) Pendaftaran pemastautin-pemastautin bagi seluruh atau mana-mana bahagian kawasan yang dimasukkan itu yang dilakukan di bawah peraturan 6 (2) berkenaan dengan penetapan terdahulu itu yang telah dibatalkan; dan
- (b) Semua butir mengenai pemastautin yang diberikan di bawah peraturan 6 (3) dan 6 (4) berkenaan dengan penetapan dahulu itu,

hendaklah disifatkan sebagai pendaftar pemastautin-pemastautin di bawah peraturan 6 (2) dan butir-butir yang diberikan di bawah peraturan 6 (3) dan 6 (4) berkenaan dengan penetapan baru.

Pelantikan
Sebuah
Jawatankuasa
Sektor.

7. (1) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis penetapan sesuatu Sektor bagi penyerahan butir-butir dalam Borang Satu di bawah peraturan 6, seseorang Pengarah hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa sebilangan pemastautin Sektor itu yang difikirkannya patut dan Jawatankuasa itu hendaklah dinamakan Jawatankuasa Sektor.

P. U. (A)
389/82.

(2) Pengarah itu hendaklah melantik seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, seorang Setiausaha, seorang Penolong Setiausaha dan seorang Bendahari sesuatu Jawatankuasa Sektor dari kalangan ahli-ahli Jawatankuasa itu selepas berunding dengan ahli-ahli Jawatankuasa itu.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

(3) Orang-orang berikut adalah hilang kelayakan daripada dilantik sebagai atau menjadi ahli sesuatu Jawatankuasa

- (a) seseorang yang belum mencapai umur dua puluh satu tahun;
- (h) seseorang yang pada bila-bila masa telah dihukum menjadi bankrap atau terhadap siapa yang pada bila-bila masa suatu perintah pentadbiran pemakan gaji dikenakan;
- (c) seseorang yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan dan dihukum denda lima ratus ringgit atau lebih atau dipenjarakan seberapa lamanya.
- (d) seseorang yang terhadapnya suatu pertuduhan bagi suatu kesalahan telah dibuktikan dan oleh itu, dia telah diperintahkan supaya melaksanakan suatu jaminan di bawah manamana undang-undang bertulis berhubung dengan acara jenayah;
- (e) seseorang yang terhadapnya apa-apa bentuk perintah tahanan telah dibuat di bawah manamana undang-undang bertulis berhubung dengan kanak-kanak, budak-budak atau orang-orang muda;
- (f) seseorang yang telah dikenakan sesuatu perintah tahanan, penyeliaan atau kediaman terhadap di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan tahanan kerana keselamatan, keselamatan dalam negeri, pencegahan jenayah atau kediaman terhadap;
- (g) seseorang yang telah dikenakan perintah buang-negeri, atau suatu perintah buang-negeri yang digantung dengan ia melaksanakan suatu ikat jamin di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan buang-negeri;
- (h) seseorang yang bukan seorang warganegara atau yang bukan seorang pemastautin tetap; dan

- (i) seseorang yang tidak sempurna akal atau sebaliknya tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipannya.

P. U. (A)
389/82.

(4) Jika seseorang dilantik sebagai seorang ahli sesuatu Jawatankuasa, atau seorang Pengerusi, atau seorang Timbalan Pengerusi, atau seorang Setiausaha, atau seorang Penolong Setiausaha atau Bendahari sesuatu Jawatankuasa, dia hendaklah bersetujuterima lantikan itu, berkhidmat sebagai ahli, Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha atau Bendahari itu, mengikut mana yang berkenaan, selama tempoh lantikannya, dan menjalankan tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa atau seorang Pengerusi, atau seorang Timbalan Pengerusi, atau seorang Setiausaha, atau seorang Penolong Setiausaha atau Bendahari sesuatu Jawatankuasa, mengikut mana yang berkenaan, dan jika dia tidak mematuhi atau melanggar mana-mana daripada kehendak-kehendak ini dia adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

P. U. (A)
389/82.

(5) Seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa hendaklah dilantik selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun dan boleh dilantik semula selama tempoh atau tempoh lanjutan tidak lebih daripada tiga tahun tiap-tiap satu kalinya.

(6) Lantikan seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh seseorang Pengarah.

P. U. (A)
389/82.

(7) Seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa hendaklah membawa mana-mana kad kenal diri yang boleh diarahkan oleh Ketua Pengarah dibawa oleh ahli itu, dan dia hendaklah mengemukakan kad itu apabila diminta oleh mana-mana orang apabila melaksanakan apa-apa kewajipan atau menjalankan apa-apa tugas atau menjalankan mana-mana kuasa di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah berhubung dengan orang itu; kad kenal diri

PERLU (RUKUN TETANGGA)

itu hendaklah diserahkan kepada seseorang Pengarah selepas sahaja tamat atau batal lantikan seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa.

8. (1) Sesuatu Jawatankuasa hendaklah mempunyai tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan berikut:

Tugas-tugas dan
kewajipan-
kewajipan
Jawatankuasa
Sektor.

- (a) menyelenggarakan secara am pemerhatian atas segala aspek keselamatan, keamanan dan kebajikan pemastautin-pemastautin dan masyarakat Sektor secara keseluruhannya;
- (b) menyiasat secara giat perkara-perkara berhubung dengan kerapnya berlaku apa-apa bentuk aktiviti menyalahi undang-undang dalam Sektor dan menyampaikan maklumat berhubung dengannya kepada seseorang Pengarah;
- (c) menerima maklumat berkenaan dengan apa-apa aktiviti menyalahi undang-undang yang mungkin disampaikan kepadanya atau kepada mana-mana ahlinya oleh mana-mana orang, menilaikan maklumat itu, membuat apa-apa penyiasatan yang mungkin perlu berhubung dengan maklumat itu dan menyampaikan maklumat itu kepada seseorang Pengarah bersama-sama dengan penilaiannya serta hasil penyiasatannya;
- (d) menyelenggarakan pemerhatian, menyiasat tentang dan menerima maklumat berkenaan dengan perkara-perkara berhubung dengan menyediakan dan menyelenggarakan bekalan barangan dengan secukupnya yang perlu untuk kehidupan masyarakat Sektor dan melaporkan kepada Pengarah aktiviti-aktiviti yang memudaratkan penyelenggaraan perbekalan itu, seperti tidak membekalkan barang-barang itu kepada orang awam atau mengenakan harga berlebih-lebihan berkenaan dengan barang-barang itu;

- (e) menyelenggarakan pemerhatian, menyiasat tentang dan menerima maklumat berkenaan dengan perkara-perkara berhubung dengan menyediakan dan penyelenggaraan perkhidmatan-perkhidmatan yang penting untuk kehidupan masyarakat Sektor dan melaporkan kepada Pengarah aktiviti-aktiviti yang memudaratkan kepada penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan itu seperti mengenakan harga berlebih-lebihan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan, atau kemungkiran oleh mana-mana orang atau badan, termasuk sesuatu pihak-berkuasa tempatan atau badan berkanun, untuk memenuhi tanggungan-tanggungan di sisi undang-undang untuk menyediakan perkhidmatan itu;
- (f) mengambil apa-apa langkah yang mungkin perlu atau dikehendaki untuk membolehkan pemastautin-pemastautin melindungi diri mereka daripada segala bentuk aktiviti subversif atau lain-lain aktiviti jenayah dan daripada banjir, kebakaran, tanah runtuh, atau lain-lain kejadian darurat atau bahaya;
- (g) menyelenggarakan pemerhatian dan menyiasat tentang perkara-perkara yang mungkin mengakibatkan bencana kepada ekonomi, kesihatan atau moral pemastautin-pemastautin;
- (h) menyelenggarakan dan mengemaskini suatu daftar pemastautin-pemastautin sebagaimana yang diberi kepadanya oleh seseorang Pengarah;
- (i) *(Dimansuhkan oleh P. U. (A) 23/88).*
- (j) *(Dimansuhkan oleh P. U. (A) 389/82).*
- (k) *(Dimansuhkan oleh P. U. (A) 23/88).*

PERLU (RUKUN TETANGGA)

(l) memberi jasabaiknya atau jasabaik mana-mana ahlinya untuk menimbangtara, mendamaikan ataupun menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perbalahan di antara mana-mana pemastautin dengan pemastautin lain iaitu yang mungkin dirujukkan kepada Jawatankuasa oleh mana-mana pihak dalam pertikaian itu;

P. U. (A)
389/82

(ll) menjalankan apa-apa aktiviti seperti memajukan, membangunkan atau menyelenggarakan. atau yang dapat membantu bagi kemajuan pembangunan atau penyelenggaraan hidup berjiran, muhibah, kerjasama, harmoni atau kepercayaan dan keyakinan bersama di kalangan pemastautin-pemastautin Sektor itu atau kebajikan mereka;

(m) menjalankan apa-apa tugas atau kewajipan lain yang Jawatankuasa boleh dikehendaki menjalankan di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah atau yang seseorang Pengarah boleh dari semasa ke semasa menghendaki Jawatankuasa itu menjalankan.

(2) Tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang dikenakan kepada sesebuah Jawatankuasa sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai dikenakan juga kepada tiap-tiap seorang ahli Jawatankuasa itu.

9. Sesebuah Jawatankuasa itu hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut:

Kuasa-kuasa
Jawatankuasa
Sektor

(a) kuasa untuk menghendaki, samada dengan lisan atau secara bertulis, mana-mana orang dalam Sektor supaya hadir di Pusat di dalam sesuatu mesyuarat Jawatankuasa untuk membolehkan Jawatankuasa membuat apa-apa penyiasatan yang perlu bagi maksud menjalankan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan Jawatankuasa;

- (b) menghendaki mana-mana orang supaya menjawab apa-apa soalan berhubung dengan perjalanan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan Jawatankuasa di bawah peraturan 8;
- (c) menghendaki mana-mana orang supaya menjawab apa-apa soalan berkenaan dengan pengetahuan orang itu mengenai apa-apa aktiviti menyalahi undang-undang;
- (d) kuasa untuk menghendaki mana-mana pemastautin supaya memberi bantuan dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan atau penggunaan mana-mana harta jika sekiranya berlaku sesuatu kebakaran, banjir, tanah runtuh, kekacauan awam atau lain-lain kejadian yang menjadikan bantuan itu perlu;
- (e) apa-apa kuasa lain yang diadakan peruntukan baginya di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah.

(2) Kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh sesebuah Jawatankuasa di bawah perenggan (1) boleh dijalankan oleh mana-mana orang ahli sesuatu Jawatankuasa, kecuali kuasa-kuasa di bawah perenggan-kecil (a) perenggan (1) yang boleh dijalankan hanya di sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

10. Seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai polis berpangkat mata-mata, dan hendaklah mempunyai semua kewajipan, semua kuasa dan semua imuniti pegawai polis itu dalam Sektor yang mana dia adalah seorang ahli Jawatankuasa itu, dengan syarat bahawa pada menjalankan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa itu dia hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan seseorang Pengarah dan hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa itu dengan mematuhi arahan-arahan, syarat-syarat, sekatan-sekatan atau had-had yang seseorang Pengarah boleh nyatakan dengan lisan atau secara bertulis samada secara am, atau di dalam kes seseorang ahli tertentu sesebuah Jawatankuasa, atau berhubung dengan sesuatu keadaan tertentu.

Ahli sesuatu Jawatankuasa disifatkan sebagai seorang mata-mata dengan kewajipan dan kuasa sama dengan mata-mata. P. U. (A) 389/82.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

[Per. 11]

23

11.(1) Sesebuah Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat tidak kurang daripada sekali dalam empat puluh lima hari, dan tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipanggil oleh Pengerusi, atau, jika dia tidak ada, oleh Timbalan Pengerusi.

Mesyuarat
Jawatankuasa
koram dan minit-
minit.
P. U. (A) 389/82.

(2) Koram sesebuah Jawatankuasa hendaklah sebanyak dua pertiga bilangan ahlinya.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan sesuatu mesyuarat sesebuah Jawatankuasa, dan, apabila beliau tidak hadir, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan, atau, jika Timbalan Pengerusi juga tidak hadir, sesebuah Jawatankuasa boleh memilih seorang daripada ahli-ahli yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

P. U. (A) 389/82.

(4) Setiausaha hendaklah menyediakan minit-minut mesyuarat sesebuah Jawatankuasa, dan salinannya hendaklah diserahkan kepada seseorang Pengarah apabila dikehendaki olehnya.

P. U. (A) 389/82.

(5) Bendahari hendaklah menyimpan akaun-akaun yang sewajarnya tentang semua wang dan apa jua harta lain yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada sesebuah Jawatankuasa bagi menjalankan tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasanya dan dia hendaklah juga menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang dikehendaki dijalankan oleh sebuah Jawatankuasa atau oleh seorang Pengarah.

P. U. (A) 389/82.

(6) Sesuatu Jawatankuasa boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan bertulis seseorang Pengarah, melantik beberapa jawatankuasa kecil sebagaimana yang perlu dari kalangan ahli-ahlinya bagi maksud menyiasat apa-apa perkara khusus dan membuat laporan atau syor mengenainya kepada Jawatankuasa itu.

Penubuhan
Kumpulan Wang
Amanah Rukun
Tetangga, dan
pemungutan serta
penerimaan wang
bagi maksud--
maksud Rukun
Tetangga. P. U.
(A) 389/82. Akta
61.

12. (1) Maka hendaklah ditubuhkan oleh Ketua Pengarah suatu kumpulan wang yang dinamakan Kumpulanwang Amanah Rukun Tetangga yang ke dalamnya hendaklah dibayar masuk semua derma yang diterima bagi maksud-maksud menjalankan Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana Perintah, iaitu bukannya wang yang dipungut atau diterima di bawah perenggan (4).

(2) Kumpulanwang Amanah Rukun Tetangga hendaklah dikendalikan di bawah seksyen 10 (1) (a) Akta Acara Kewangan 1957 dan bagi maksud ini butiran baru berikut adalah dengan ini dimasukkan ke dalam Jadual Kedua kepada Akta tersebut-

"Kumpulanwang Amanah Rukun Tetangga".

(3) Kumpulanwang Amanah Rukun Tetangga hendaklah dikendalikan oleh Ketua Pengarah mengikut peruntukan-peruntukan mana-mana Perintah berhubung dengannya.

P. U. (A) 389/82.

(4) Sesebuah Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga atau sesebuah Jawatankuasa Sektor boleh memungut atau menerima Wang dalam Kawasan atau Sektor itu, mengikut mana yang berkenaan, bagi maksud menjalankan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya, dengan syarat dia telah memohon dan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah dan membuat apa-apa pemungutan atau menerima apa-apa wang mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam kelulusan yang diberi oleh Ketua Pengarah.

P. U. (A) 389/82.

(5) Kelulusan Ketua Pengarah di bawah perenggan (4) hendaklah mengandungi arahan-arahan yang membuat peruntukan mengenai penyenggaraan, pentadbiran dan penggunaan wang yang dipungut sedemikian, mengenai penyimpanan akaun-akaunnya dan mengenai pengauditan akaun-akaun itu oleh seorang pegawai awam atau pegawai-pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

25

(6) Jika sesebuah Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga atau sesebuah Jawatankuasa Sektor, mengikut mana yang berkenaan, telah mendapat kelulusan Ketua Pengarah di bawah perenggan (4) maka adalah menjadi kewajipan secara beramai-ramai dan kewajipan tiap-tiap ahlinya secara perseorangan, mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam kelulusan itu dan juga arahan-arahan yang terkandung dalamnya itu.

P. U. (A)
389/82.

13. (1) Seseorang Pengarah hendaklah, selepas berunding dengan sesuatu Jawatankuasa, menetapkan dengan notis Unit Kemastautinan bagi Sektor dan melantik seorang ketua, yang dikenali sebagai Ketua Jiran, mengenai tiap-tiap satu Unit Kemastautinan.

Unit Kemastautinan dan Ketua Jiran.
P. U. (A)
389/82.

(2) Notis penetapan itu hendaklah dihebahkan dengan cara yang difikirkan patut oleh seseorang Pengarah untuk menyampaikannya kepada pengetahuan orang-orang yang bermastautin dalam Unit Kemastautinan yang ditetapkan sedemikian, dan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, tanpa disiarkannya dalam Warta.

(3) Orang-orang yang hilang kelayakan daripada dilantik sebagai atau menjadi ahli-ahli sesuatu Jawatankuasa di bawah perenggan (3) peraturan 7 hendaklah juga hilang kelayakannya daripada dilantik sebagai atau menjadi seorang Ketua Jiran.

(4) Seseorang Ketua Jiran hendaklah dilantik secara bertulis selama sesuatu tempoh yang dinyatakan dalam lantikan itu dan boleh dilantik semula selama tempoh atau tempoh-tempoh lanjutan yang boleh dinyatakan dalam lantikan semula itu.

(5) Jika seseorang dilantik sebagai seorang Ketua Jiran dia hendaklah bersetujuterima lantikan itu, berkhidmat sebagai Ketua Jiran itu selama tempoh lantikannya, dan menjalankan tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa seseorang Ketua Jiran, dan jika dia tidak mematuhi atau melanggar mana-mana daripada kehendak-kehendak ini dia adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

P. U. (A)
389/82.

(6) Lantikan seseorang Ketua Jiran boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh seseorang Pengarah.

*P. U. (A)
389/82.*

(7) Seseorang Ketua Jiran hendaklah membawa apa-apa kad kenal diri yang boleh diarahkan oleh Ketua Pengarah supaya dibawa oleh Ketua-ketua Jiran, dan ia hendaklah mengemukakan kad itu apabila diminta oleh mana-mana orang apabila melaksanakan apa-apa kewajipan atau menjalankan apa-apa tugas, atau menjalankan mana-mana kuasa di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah berhubung dengan orang itu; kad kenal diri itu hendaklah diserahkan kepada seseorang Pengarah selepas sahaja tamat atau batal lantikan Ketua Jiran itu.

*Tugas-tugas,
kewajipan-
kewajipan dan
kuasakuasa
seorang
Ketua Jiran.
P. U. (A)
389/82.*

14. (1) Seseorang Ketua Jiran hendaklah mempunyai tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa berhubung dengan Unit Kemastautinan yang ia adalah Ketua Jiran sama sebagaimana yang dipunyai oleh sesebuah Jawatankuasa atau seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa berhubung dengan sesuatu Sektor di bawah peraturan-peraturan 8, 9 dan 10, kecuali kuasa di bawah peraturan 9 (1) (a), dan hendaklah secara am membantu Jawatankuasa itu mengikut cara yang dikehendaki oleh Jawatankuasa itu dari semasa ke semasa dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya, atau menunaikan tugas-tugasnya, atau menjalankan kuasa-kuasanya, di bawah Peraturan-peraturan ini di dalam Unit Kemastautinan yang mana ia menjadi Ketua Jiran.

(2) Seseorang Ketua Jiran hendaklah menjalankan tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa lain yang boleh diberi kepadanya secara bertulis oleh seseorang Pengarah, atau oleh Jawatankuasa dengan kelulusan seseorang Pengarah, dengan syarat bahawa tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa yang diberi sedemikian tidak berlawanan dengan atau berlebihan daripada tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa sesebuah Jawatankuasa atau seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

(3) Seseorang Ketua Jiran hendaklah juga menjalankan tugas-tugas, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa lain yang boleh diperuntukan bagi seseorang Ketua Jiran di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah.

(4) Ketua-ketua Jiran bagi dua atau lebih daripada dua Unit Kemastautinan, sama ada berdampingan ataupun tidak, boleh dengan kelulusan secara bertulis seseorang Pengarah, menyelaraskan aktiviti-aktiviti mereka dengan apa-apa cara sebagaimana yang perlu atau bermanfaat.

P. U. (A)
389/82.

(5) Seseorang Pengarah boleh mengarahkan secara bertulis dua atau lebih daripada dua orang Ketua Jiran untuk bertindak selaras mengikut arahan itu dan setakat yang dinyatakan oleh Pengarah dalam arahan itu, dan dalam keadaan yang sedemikian, adalah menjadi kewajipan Ketua-ketua Jiran yang berkenaan untuk mentadbirkan, menjalankan, dan melaksanakan arahan itu, dan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang menurut arahan itu hendaklah disifatkan sebagai sah.

P. U. (A)
389/82.

14A. (1) Seseorang Pengarah boleh, jika ia berfikir patut berbuat demikian berkenaan dengan seluruh atau sebahagian mana-mana Kawasan, tetapi selepas berunding dengan Jawatankuasa Kawasannya –

Unit-Unit
Kemastautinan
Kawasan dan
Ketua-Ketua
Jiran
Kawasan
P. U. (A)
23/88.

- (a) menetapkan melalui notis Unit-unit Kemastautinan Kawasan bagi seluruh atau sebahagian Kawasan itu, mengikut mana yang berkenaan; dan
- (b) melantik seorang ketua, yang hendaklah dikenali sebagai Ketua Jiran Kawasan, bagi tiap Unit Kemastautinan Kawasan tersebut.

(2) Perenggan (2), (3), (4) dan (6) peraturan 13 hendaklah terpakai berhubungan dengan suatu Unit Kemastautinan Kawasan dan seseorang Ketua jiran Kawasan sebagaimana jua ia terpakai bagi suatu Unit Kemastautinan dan seseorang Ketua Jiran.

(3) Seseorang Ketua Jiran Kawasan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan dengan surat yang dialamatkan kepada Pengarah.

(4) Seseorang Ketua Jiran Kawasan hendaklah membawa kad kenal diri yang memberikan kepadanya oleh Pengarah dan dia hendaklah mengemukakan kad itu apabila diminta oleh mana-mana orang apabila melaksanakan apa-apa kewajipan menunaikan apa-apa tugas di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah berhubung dengan orang itu; kad kenal diri itu hendaklah diserahkan kepada seseorang Pengarah sebaik sahaja pelantikan seseorang Ketua Jiran Kawasan terhenti.

Tugas-tugas dan
kewajipan
seorang
Ketua Jiran
Kawasan
P. U. (A)
23/88.

14B. (1) Seseorang Ketua Jiran Kawasan hendaklah mempunyai tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang sama berhubung dengan Unit Kemastautinan Kawasan yang dia menjadi Ketua Jiran Kawasannya sebagaimana yang dipunyai oleh sesuatu Jawatankuasa Kawasan berhubung dengan sesuatu Kawasan di bawah peraturan 5C, dan hendaklah secara am membantu Jawatankuasa Kawasan mengikut apa-apa cara yang dikehendaki oleh Jawatankuasa Kawasan dari semasa ke semasa pada melaksanakan kewajipan-kewajipan atau menunaikan tugas-tugasnya dalam Unit Kemastautinan Kawasan yang mana dia menjadi Ketua Jiran Kawasan.

(2) Seseorang Ketua Jiran Kawasan hendaklah menjalankan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan lain yang memberikan kepadanya secara bertulis oleh seseorang Pengarah, atau oleh Jawatankuasa Kawasan dengan kelulusan seseorang Pengarah, dengan syarat bahawa tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang diberikan itu tidak bertentangan dengan atau melebihi tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan sesebuah Jawatankuasa Kawasan.

(3) Seseorang Ketua Jiran Kawasan hendaklah juga melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan lain yang diperuntukan bagi seseorang Ketua Jiran Kawasan di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

(4) Perenggan (4) dan (5) peraturan 14 hendaklah terpakai berhubung dengan Ketua-ketua Jiran Kawasan dan Unit-Unit Kemastautinan Kawasan sebagaimana jua ia terpakai bagi Ketua-Ketua Jiran dan Unit-Unit Kemastautinan.

15. Ketua Pengarah hendaklah menyediakan premis bagi tiap-tiap Jawatankuasa kawasan Rukun Tetangga dan tiap-tiap Jawatankuasa Sektor sebagaimana yang difikirkannya sesuai untuk kegunaan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga atau Jawatankuasa Sektor itu, mengikut mana yang berkenaan, sebagai suatu Pusat Kawasan atau suatu Pusat Sektor, mengikut mana yang berkenaan.

Pusat
Kawasan
atau
sektor
P. U. (A)
389/82.

16. (1) Seseorang yang, antara pukul dua belas tengah malam dengan pukul lima pagi, memasuki sesuatu Sektor yang mana dia bukan seorang pemastautin hendaklah, apabila sahaja memasuki Sektor itu, memberi butir-butir dirinya dalam Borang Lima kepada seorang pemastautin berkelayakan yang bertugas di Pusat.

Rekod bukan
pemastautin
memasuki
atau
terus berada
dalam
sesuatu
Sektor
selepas tenah
malam.

(2) Seseorang yang memasuki sebelum pukul dua belas tengah malam sesuatu Sektor yang mana dia bukan orang pemastautin dan terus berada dalam Sektor itu sebelum pukul dua belas tengah malam hendaklah, sebelum pukul satu pagi pada malam itu juga, memberi butir-butir dirinya dalam Borang Lima kepada seorang pemastautin berkelayakan yang bertugas di Pusat.

(3) Peraturan ini tidak boleh dipakai bagi hal seseorang yang, dalam tempoh yang disebutkan dalam perenggan (1), adalah seorang tetamu sesebuah hotel atau rumah penginapan atau lain-lain tempat perdagangan yang bersamaan di mana butir-butir tetamu dikehendaki didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

P. U. (A)
389/82.

(4) Peruntukan-peruntukan terdahulu dalam peraturan ini adalah terpakai dalam sesuatu Sektor hanya jika seseorang Pengarah memberitahu dalam *Warta* selepas berunding dengan Jawatankuasa yang peruntukan-peruntukan tersebut adalah terpakai dalam Sektor itu.

Sekatan-skatan
berkenaan
dengan
bermalam
sesuatu
sektor.

17. (1) Tiada seseorang yang bukan pemastautin sesuatu Sektor boleh bermalam dalam Sektor itu kecuali sebagai seorang pelawat yang tinggal dalam rumah kediaman seseorang pemastautin Sektor itu atau dalam sesebuah hotel, rumah penginapan atau tempat perundangan lain yang boleh secara sah di sisi undang-undang menyediakan tempat tinggal sementara.

(2) Mana-mana orang yang bermalam dalam sesuatu Sektor dengan melanggar perenggan (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

(3) Seseorang hendaklah disifatkan sebagai bermalam dalam sesuatu Sektor jika dia didapati berada dalam Sektor itu pada bila-bila masa antara tengah malam dengan pukul lima pagi.

Peronda
dan
Pegawal
Sektor
P. U. (A)
389/82.

18. (1) Sesebuah Jawatankuasa hendaklah mengatur untuk pemastautin-pemastautin berkelayakan menjalankan –

- (a) tugas meronda dalam Sektor;
- (b) tugas mengawal di Pusat Sektor pada setiap masa atau pada waktu-waktu sebagaimana yang ditentukan oleh seseorang Pengarah selepas berunding dengan Jawatankuasa; dan
- (c) tugas mengawal di mana-mana premis, tempat atau lokasi dalam Sektor sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah,

dalam syif-syif yang boleh dikehendaki oleh seseorang Pengarah yang, bagaimanapun, tempohnya tidak melebihi daripada empat jam terus-menerus bagi satu syif.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

(2) Pemastautin-pemastautin berkelayakan yang bertugas meronda atau mengawal hendaklah dikehendaki menjalankan tugas-tugas mereka dalam pasukan-pasukan ronda atau pasukan-pasukan kawalan yang mengandungi tidak kurang daripada dua orang pemastautin berkelayakan dalam tiap-tiap satu pasukan itu.

(3) Sesebuah Jawatankuasa adalah bertanggungjawab bagi penyeliaan, arahan dan kawalan pelaksanaan tugas-tugas meronda atau mengawal di bawah peraturan ini, dan hendaklah membuat perkiraan bagi seorang atau lebih daripada seseorang ahlinya, sebagaimana yang difikirkannya sesuai, supaya berada di Pusat Sektor waktu-waktu sebagaimana yang difikirkan perlu atau bermanfaat oleh Jawatankuasa atau sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang Pengarah untuk menjalankan apa-apa penyeliaan arahan dan kawalan yang lebih baik.

P. U. (A)
389/82.

19. (1) Sesebuah Jawatankuasa hendaklah menyediakan tiap-tiap bulan, atau berkenaan dengan apa-apa tempoh yang lebih panjang tidak melebihi daripada dua belas bulan sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa, sesuatu roster tugas-tugas di bawah peraturan 18 dan mempamerkan roster itu dalam Pusat.

Roster
tugas
tugas.

(1A) Seseorang ahli Jawatankuasa yang diberi kuasa oleh Jawatankuasa untuk berbuat demikian boleh, dari semasa ke semasa, meminda roster yang disediakan di bawah perenggan (1), dan tiap-tiap pindaan itu hendaklah dipamerkan di Pusat.

P. U. (A)
389/82.

(2) Tiap-tiap orang dikehendaki menjalankan tugas-tugas di bawah roster itu hendaklah hadir dan menjalankan tugas-tugas itu dengan sewajarnya, dan jika dia tidak mematuhi atau melanggar kehendak itu dia adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

(3) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap orang pemastautin berkelayakan mendapatkan kepastian dari roster itu atau dari Jawatankuasa itu suatu tarikh dan

P. U. (A)
389/82.

Masa tiap-tiap giliran yang dia sepatutnya dikehendaki menjalankan tugas di bawah peraturan 18, dan jika dia tidak dapat hadir untuk menjalankan tugas itu pada sesuatu giliran dia bolehlah, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh giliran itu, membuat permohonan kepada Jawatankuasa bagi mendapatkan kebenaran menggantikan tarikh dan masa giliran itu dengan sesuatu tarikh dan masa lain; jika dia tidak mendapat kebenaran itu dia hendaklah hadir dan menjalankan yang dinyatakan dalam roster:

Dengan syarat bahawa tiada apa pun dalam peruntukan di atas dalam perenggan ini boleh diertikan sebagai mengurangkan kuasa Jawatankuasa di bawah perenggan (1A) untuk meminda roster.

Pemastautin-
Pemastautin
tak berkelayakan
boleh secara
sukarela
bertugas
meronda
atau
mengawal

20. Seseorang pemastautin yang bukan pemastautin berkelayakan boleh membuat permohonan kepada sesuatu Jawatankuasa untuk dimasukkan namanya dalam sesuatu roster di bawah peraturan 19 (1), dan jika Jawatankuasa meluluskan permohonan itu dan memasukkan namanya dalam roster itu ia hendaklah disifatkan sebagai seorang pemastautin berkelayakan bagi maksud Peraturan-peraturan ini.

Peruntukan
khas
berhubung
dengan
pemastautin-
pemastautin
berkelayakan
yang bekerja
sendiri.

21. (1) Dalam menyediakan sesuatu roster tugas-tugas di bawah peraturan 19 Jawatankuasa hendaklah, setakat yang boleh dipertikaikan, memastikan bahawa tiada seseorang pemastautin berkelayakan yang bekerja atau mengawal dalam masa waktu-waktu yang dia sepatutnya, dalam perjalanan biasa kerja sendirinya itu, bertugas menjalankan kerja mengenai kerja sendirinya itu.

(2) Bagi maksud perenggan (1) “pemastautin berkelayakan yang bekerja sendiri” ertinya –

- (a) seseorang pemastautin berkelayakan yang bertugas dalam apa-apa perniagaan, profesion, pekerjaan, kerja pertanian, atau apa jua urusan lain, yang dijalankan secara tunggal olehnya seorang diri atau bersama dengan

PERLU (RUKUN TETANGGA)

33

Ahli keluarganya, yang mana beliau tidak menerima apa-apa gaji daripada seseorang majikan; atau

- (b) seseorang pemastautin berkelayakan yang mata pencariannya ialah semata-mata memberi perkhidmatannya sebagai seorang pekerja sambilan atas kontrak yang dibuat tiap-tiap hari:

Dengan syarat bahawa tiada apa juapun boleh “pemastautin berkelayakan yang bekerja sendiri” termasuk pemastautin berkelayakan yang menggunakan khidmat mana-mana orang lain.

(3) Jika sesuatu soalan berbangkit di bawah mana-mana Peraturan-peraturan mengenai sama ada seseorang itu adalah seorang “pemastautin berkelayakan yang bekerja sendiri” maka soalan itu hendaklah diputuskan oleh seseorang Pengarah dan keputusan Pengarah itu adalah muktamad.

P. U. (A)
389/82.

22. Seseorang pemastautin berkelayakan tidak boleh dikehendaki menjalankan tugas meronda atau mengawal pada lebih daripada dua hari dalam sebulan, dan tidak melebihi daripada satu hari dalam sebulan pada tugas dalam sesuatu syif yang sampai lebih dari pukul dua belas tengah malam atau bermula selepas pukul dua belas tengah malam:

Batasan-
batasan-
batasan
berhubung
dengan
tugas
meronda
atau
mengawal
P. U. (A)
389/82.

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh, jika difikirkan perlu atau bermanfaat berbuat demikian dalam hal mana-mana Sektor tertentu mengarahkan bahawa pemastautin berkelayakan dalam Sektor itu boleh dikehendaki menjalankan tugas meronda atau mengawal tidak melebihi daripada tiga hari dalam sebulan.

23. (1) Di mana sesebuah pasukan pemastautin-pemastautin berkelayakan sedang dalam tugas meronda atau mengawal, ia hendaklah, dalam tempoh bertugas itu, di bawah pemerintahan seseorang ahli pasukan itu yang boleh ditetapkan sendiri oleh sesebuah Jawatankuasa atau seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa.

Pemerintahan
tahan
bagi
pasukan
dalam
tugas
meronda
atau
mengawal.

(2) Seseorang pemastautin berkelayakan yang bertugas meronda atau mengawal hendaklah menurut dan mematuhi segala arahan atau perintah yang sah di sisi undang-undang dari pemerintahnya iaitu yang ditetapkan di bawah perenggan (1).

(3) Pemerintah itu hendaklah menurut dan mematuhi segala arahan dan perintah yang sah di sisi undang-undang dari Jawatankusa atau mana-mana ahli daripadanya.

Senjata-
Senjata yang
peronda atau
pengawal
boleh bawa
P. U. (A)
389/82.

24. (1) Seseorang pemastautin berkelayakan hendaklah pada masa bertugas atau mengawal, berhak untuk mempunyai bersama-sama dengannya hanya senjata-senjata, bukan senjata-api, yang diluluskan oleh seorang Pengarah.

(2) Walau apa-apa pun peruntukan perenggan (1) seseorang Pengarah boleh memberi kuasa kepada mana-mana pemastautin berkelayakan, pada masa bertugas meronda atau mengawal, mempunyai senjata-api dalam miliknya mengikut arahan-arahan bertugas yang diberikan oleh seseorang Pengarah.

Kewajipan
dan kuasa
peronda atau
pengawal.
P. U. (A)
389/82.

25. Seseorang pemastautin berkelayakan hendaklah, pada masa bertugas meronda atau mengawal dalam kawasan tugasnya, disifatkan sebagai pegawai polis berpangkat mata-mata dan hendaklah mempunyai segala kewajipan, segala kuasa dan segala imuniti pegawai polis itu, dengan syarat bahawa pada menjalankan segala kewajipan dan kuasa itu, dia hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Pengarah, atau Jawatankuasa itu dan tiap-tiap seorang ahli Jawatankuasa itu dan tiap-tiap seorang ahli Jawatankuasa itu, dan hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa itu dengan mematuhi apa-apa arahan, syarat, sekatan atau batasan yang boleh dinyatakan secara lisan atau secara bertulis secara am, atau bagi hal seseorang pemastautin berkelayakan tertentu, atau berkenaan sesuatu keadaan tertentu, oleh seorang Pengarah atau Jawatankuasa itu atau seorang ahli Jawatankuasa itu.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

35

26. Seseorang Pengarah boleh membenarkan anggota-anggota pasukan tentera, pasukan polis, Ikatan Relawan Rakyat yang ditubuhkan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Pasukan Kawalan) 1966, mana-mana pasukan polis tambahan atau sukarela, atau lain-lain pertubuhan, badan atau kumpulan orang-orang untuk menyertai dalam perjalanan kewajipan-kewajipan oleh sesuatu Jawatankuasa, seseorang Ketua Jiran, atau pemastautin berkelayakan, tertakluk kepada dan mengikut apa-apa arahan yang boleh diberikannya.

Penyertaan oleh anggota-anggota pasukan tentera, dll.dalam kewajipan-kewajipan sesuatu Jawatankuasa, seseorang Ketua Jiran atau pemastautin berkelayakan
P.U. 33/66

27. (1) Jika seseorang pemastautin berkelayakan adalah seorang pekerja mana-mana orang, pemastautin berkelayakan itu hendaklah disifatkan sebagai telah diberi cuti dari pekerjaannya oleh majikannya selama masa waktu pemastautin berkelayakan itu dikehendaki menjalankan tugas meronda atau mengawal di bawah Peraturan-peraturan ini.

Perhubungan tugas meronda atau mengawal dengan pekerjaan.

(2) Jika seseorang pemastautin berkelayakan, yang merupakan seorang pekerja mana-mana orang, menjalankan tugas meronda atau mengawal bagi sesuatu tempoh selepas pukul dua belas tengah malam ia hendaklah disifatkan sebagai telah diberi cuti dari pekerjaannya oleh majikannya selama dua puluh empat jam berikutan dengan tamat tempohnya bertugasnya itu.

27 A. (1) Sesebuah Jawatankuasa Kawasan atau Jawatankuasa Sektor Pendaftaran boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk mengendalikan di seluruh atau sebahagian Kawasan atau sektor Pendaftaran itu, mengikut mana yang berkenaan, suatu Skim Rondaan Sukarela (kemudian daripada ini dalam Peraturan-peraturan ini disebut "Skim") jika diminta berbuat begitu oleh sekumpulan yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua puluh pemastautin Kawasan atau Sektor Pendaftaran itu, mengikut mana yang berkenaan, yang berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun.

Permohonan untuk mengendalikan suatu Skim Rondaan Sukarela
P.U.(A) 23/88.

(2) Sesuatu permintaan oleh pemastautin-pemastautin sukarelawan di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat dengan mengisi Bahagian A Borang Enam kepada Jawatankuasa Kawasan atau Jawatankuasa Sektor Pendaftaran bagi Kawasan atau Sektor Pendaftaran, mengikut mana yang berkenaan, tempat mereka bermastautin.

(3) Sesuatu permohonan oleh sesebuah Jawatankuasa Kawasan atau Jawatankuasa Sektor Pendaftaran di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat dengan mengisi Bahagian B Borang Enam dan mengemukakan Borang Enam kepada Ketua Pengarah.

(4) Jika sesebuah Jawatankuasa Kawasan atau Jawatankuasa Sektor Pendaftaran membuat keputusan untuk tidak menyetujui sesuatu permintaan dalam Bahagian A Borang Enam daripada pemastautin-pemastautin sukarelawan, ia hendaklah mengisi Bahagian C Borang Enam dan mengemukakan Borang Enam kepada Ketua Pengarah.

(5) Seseorang Pengarah boleh menghendaki Pengerusi Jawatankuasa Kawasan atau Jawatankuasa Sektor Pendaftaran atau mana-mana pemastautin sukarelawan itu memberikan maklumat-maklumat atau apa-apa butir lain yang dikehendaki oleh Pengarah itu berhubungan dengan kesemua atau mana-mana pemastautin sukarelawan, atau Skim yang di cadangkan, atau selainnya dengan apa-apa cara jua pun berhubung dengan permohonan itu, dan ia boleh menghendaki kesemua atau mana-mana pemastautin sukarelawan itu hadir sendiri di hadapannya untuk ditemuduga olehnya dan menjawab semua soalan yang difikirkannya perlu dikemukakan berhubung dengan permohonan itu.

(6) Ketua Pengarah boleh, sebelum memberikan keputusannya atas permohonan itu, mencadangkan bagi pertimbangan Jawatankuasa Kawasan atau Jawatankuasa Sektor Pendaftaran itu apa-apa

PERLU (RUKUN TETANGGA)

37

ubahsuaian atau perubahan kepada Skim yang dicadangkan itu yang, pada pendapatnya, perlu, dikehendaki, suaimanfaat atau sesuai.

27 B. (1) Jika sesuatu permohonan di bawah peraturan 27A telah diluluskan oleh Ketua Pengarah, dia hendaklah apabila menyampaikan kelulusan itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Kawasan atau Jawatankuasa Sektor Pendaftaran, mengikut mana yang berkenaan, menghendaki pengendalian Skim dimulakan sebelum tarikh yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah, dan Pengerusi itu hendaklah, selepas itu, memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis akan tarikh pengendalian Skim itu telah dimulakan, dalam masa tujuh hari selepas tarikh permulaan itu.

Kelulusan
Sesuatu
Skim,
Permulaannya
dan
tanggungjawab
Tiap-tiap ahli
Jawatankuasa
Skim
berhubungan
dengan Skim itu.
P.U. (A)
23/88.

(2) Jika-

- (a) pengendalian Skim itu tidak dimulakan sebelum tarikh yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan (1); atau
- (b) pengerusi gagal memberitahu Ketua pengarah akan tarikh permulaan pengendalian Skim itu dalam masa yang dinyatakan di bawah perenggan (1);

kelulusan Ketua Pengarah bagi permohonan itu hendaklah luput, melainkan jika ia melanjutkan tarikh atau masa itu sama ada atas kehendaknya sendiri, atau atas permohonan oleh pengerusi.

(3) Jika sesuatu permohonan untuk mengendalikan suatu Skim telah diluluskan, dan pengendaliannya telah bermula, di bawah peruntukan-peruntukan terdahulu peraturan ini, tiap-tiap ahli Jawatankuasa Skim hendaklah bertanggungjawab mengenai perlaksanaan Skim mengikut Peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini, dan dia hendaklah, sesuai dengan itu, menunaikan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya dan menjalankan kuasa-kuasa seorang ahli Jawatankuasa Skim berhubungan dengan Skim itu, dan peraturan-peraturan perenggan (4) peraturan 7

hendaklah terpakai berhubungan dengan penunaian tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan dan perjalanan kuasa-kuasa sedemikian.

Sekatan terhadap penyertaan dalam sesuatu Skim
P.U. (A)
23/88.

27c. Tanpa menyentuh kuasa-kuasa, kewajipan - kewajipan dan tugas-tugas sesuatu Jawatankuasa Skim dan setiap ahlinya di bawah peraturan-peraturan ini, jika sesuatu permohonan untuk mengendalikan sesuatu Skim telah diluluskan, dan pengendaliannya telah dimulakan di bawah peraturan 27B, tiada sesiapa selain daripada pemastautin sukarelawan boleh menyertai rondaan di bawah Skim itu, atau mengikut apa-apa cara lain jua pun bawah Skim itu.

Daftar Pemastautin Sukarelawan
P.U. (A)
23/88

27D. (1) Sesebuah Jawatankuasa Skim hendaklah menyelenggarakan suatu daftar mengenai kesemua pemastautin sukarelawan di bawah suatu Skim yang telah diluluskan di bawah peraturan 27B yang hendaklah tersedia bagi pemeriksaan oleh, dan di mana satu salinannya hendaklah dibekalkan kepada, seseorang pengarah atau seorang pegawai yang diberikuasa oleh seseorang pengarah apabila pemeriksaan atau salinan itu, mengikut mana yang berkenaan, dikehendaki oleh seorang pengarah atau oleh pegawai sedemikian.

(2) Ketua Pengarah boleh mengarahkan sama ada secara am atau dalam mana-mana hal tertentu cara bagaimana daftar di bawah perenggan (1) hendak diselenggarakan dan butir-butir serta maklumat yang dikehendaki terkandung di dalamnya.

Penyelenggaraan Rekod Rondaan
P.U. (A)
23/88

27E. (1) Sesebuah Jawatankausa Skim hendaklah menyelenggarakan suatu rekod rondaan yang diatur untuk dijalankan, dan yang adalah sebenarnya dijalankan, oleh pemastautin-pemastautin sukarelawan itu di bawah suatu Skim yang telah diluluskan di bawah peraturan 27B menurut bentuk yang diarahkan oleh Ketua Pengarah, dan rekod tersebut hendaklah tersedia bagi perkhidmatan oleh, atau satu salinannya

PERLU (RUKUN TETANGGA)

39

Dibekalkan kepada, seseorang pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa oleh seseorang pengarah pada bila-bila masa pemeriksaan tersebut atau salinan itu, mengikut mana berkenaan, dikehendaki oleh seseorang Pengarah atau oleh pegawai tersebut.

(2) Sesebuah Jawatankuasa Skim hendaklah memberi kepada seseorang Pengarah semua butir dan maklumat yang dikehendaki oleh seseorang pengarah dari semasa ke semasa berhubungan dengan pengendalian sesuatu skim.

27F. (1) Seseorang pemastautin sukarelawan hendaklah pada sepanjang masa ia membuat rondaan-
*Sesuatu Skim
P/U. (A)
23/88.*

- (a) memakai uniform, lencana, toha atau apa-apa pengenalan lain yang boleh dikehendaki oleh seseorang Pengarah selepas berunding dengan Jawatankuasa Skim; dan
- (b) membawa kad atau apa-apa dokumen pengenalan lain yang dikeluarkan oleh seseorang Pengarah, dan hendaklah mengemukakan kad itu apabila diminta oleh mana-mana orang apabila menjalankan mana-mana kuasa berhubungan dengan orang itu di bawah Peraturan-peraturan ini.

(2) Kad atau dokumen pengenalan yang tersebut dalam subperenggan (b) perenggan (1) itu hendaklah diserahkan kepada seseorang Pengarah selepas sahaja orang yang kepadanya ia dikeluarkan berhenti daripada menjadi seorang pemastautin sukarelawan.

27G. (1) Seseuatu kumpulan pemastautin sukarelawan hendaklah, pada masa meronda, diletakkan di bawah pemerintahan mana-mana ahli kumpulan rondaan itu yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Skim untuk menjadi ketua kumpulan rondaan itu, dan setiap ahli lain kumpulan itu hendaklah pada masa meronda menurut dan mematuhi semua arahan, petunjuk atau perintah yang sah di sisi undang -undang ketua itu.
*Pemerintahan
dalam
Kumpulan
Pada masa
Meronda.
P.U. (A)
23/88*

(2) Ketua dan mana-mana ahli lain kumpulan itu hendaklah menurut dan mematuhi semua arahan, petunjuk atau perintah yang sah di sisi undang-undang dari Jawatankuasa Skim atau mana-mana ahlinya.

Senjata-senjata yang boleh di Bawa oleh Pemastautin Sukarelawan Pada masa Membuat Rondaan.
P.U. (A) 23/88

27H. Seseorang pemastautin sukarelawan hendaklah, pada masa membuat rondaan di kawasan tempatan dia diberikuasa untuk meronda di bawah sesuatu Skim, mempunyai dalam miliknya hanya senjata, yang bukan senjata api, yang diluluskan secara bertulis oleh Ketua Pengarah samada secara am atau berkenaan dengan seseorang pemastautin sukarelawan yang tertentu:

Akta 206.

Dengan syarat bahawa Ketua pengarah boleh, dalam mana-mana hal yang tertentu, memberi kuasa secara bertulis seseorang pemastautin sukarelawan yang tertentu untuk membawa pada masa membuat rondaan suatu senjata api yang dimilikinya dengan sah di bawah Akta Senjata 1960.

Kewajipan-kewajipan Kuasa-kuasa dan imuniti-imuniti Seorang pemastautin Sukarelawan Pada masa membuat Rondaan
P.U. (A) 23/88

27I. Seseorang pemastautin sukarelawan hendaklah, pada masa membuat rondaan di kawasan tempat dia diberi kuasa untuk meronda di bawah Skim itu, disifatkan sebagai seorang pegawai polis berpangkat mata-mata dan hendaklah mempunyai segala kewajipan, segala kuasa dan segala imuniti pegawai polis itu, dengan syarat bahawa pada melaksanakan kewajipan-kewajipan dan menjalankan kuasa-kuasa itu ia hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Pengarah, Jawatankuasa Skim dan setiap Ahli Jawatankuasa Skim, dan hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan dan menjalankan kuasa-kuasa itu dengan mematuhi apa-apa petunjuk, arahan, syarat sekatan atau batasan yang boleh dinyatakan secara lisan atau secara bertulis sama ada secara am atau berkenaan dengan seseorang pemastautin sukarelawan yang tertentu atau sesuatu keadaan tertentu oleh Pengarah, atau Jawatankuasa Skim, atau seseorang ahli Jawatankuasa Skim itu.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

41

27J. Jika seseorang pemastautin sukarelawan telah mendapat apa-apa kecederaan dalam masa membuat rondaan di kawasan tempat dia diberi kuasa untuk berbuat sedemikian di bawah Skim itu (samaada atau tidak kawasan itu di dalam atau diluar kawasan keselamatan), peruntukan-peruntukan peraturan 30 hendaklah terpakai baginya *mutatis mutandis* mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai bagi seseorang pemastautin yang mendapat kecederaan dalam masa menjalankan kewajipan.

Pampasan
bagi
Kecederaan.
P.U. (A)
23/88

27K. Peruntukan-peruntukan peraturan 31 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi seseorang pemastautin sukarelawan dalam sesuatu Skim pada masa ia membuat rondaan di kawasan tempat dia diberi kuasa untuk meronda di bawah Skim itu mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai bagi seseorang pemastautin berkeelayakan pada masa dia bertugas meronda atau mengawal, dengan sebutan dalam peraturan itu mengenai-

- (a) “Pemerintahnya” digantikan dengan sebutan mengenai “ketua kumpulan rondaan itu”,
- (b) “Jawatankuasa” digantikan dengan sebutan mengenai “Jawatankuasa Skim”,
- (c) “Sesuatu Sektor” digantikan dengan sebutan mengenai “Sesuatu Kawasan atau sesuatu Sektor Pendaftaran”.

27L. (1) Bagi mengelakkan karaguan adalah dengan ini diisytiharkan bahawa peruntukan-peruntukan peraturan 27 tidak terpakai bagi seseorang pemastautin sukarelawan berhubungan dengan rondaan yang dibuat olehnya di bawah sesuatu Skim atau berhubungan dengan pelaksanaan apa-apa kewajipan atau tugas lain olehnya di bawah sesuatu Skim.

Peraturan 27
dan 28 tidak
Terpakai
Berhubungan
dengan
Sesuatu Skim
P.U.(A)
23/88

(2) Peruntukan-peruntukan peraturan 28 tidak terpakai bagi seseorang pekerja yang menjadi seorang pemastautin sukarelawan atau yang menjadi ahli sesuatu Jawatankuasa Skim oleh sebab pekerja itu kena melaksanakan apa-apa kewajipan atau tugas, atau

menjalankan atau mematuhi apa-apa arahan atau suruhan di bawah Skim, termasuk rondaan oleh seseorang pemastautin sukarelawan di bawah sesuatu Skim.

Peraturan
35 dan 36
terpakai
bagi seseorang
pemastautin
sukarelawan
dan sesuatu
Jawatankausa
Skim atau
Seseorang ahlinya
P.U. (A)
23/88

27M. Peruntukan-peruntukan peraturan 35 dan 36 hendaklah terpakai bagi seseorang pemastautin sukarelawan, dan juga bagi sesebuah Jawatankuasa Skim atau seseorang ahlinya, berhubungan dengan sesuatu Skim mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai bagi seseorang pemastautin, atau sesebuah Jawatankuasa atau seseorang ahlinya.

Keahlian
Pemastautin-
pemastautin
sukarelawan
Baru. dan penarikan
diri
Pemastautin-
Pemastautin
Sukarelawan.
P.U.(A)
23/88

27N. (1) Sesebuah Jawatankuasa Skim boleh memasukkan mana-mana pemastautin bagi kawasan atau Sektor Pendaftaran yang berkenaan sebagai peserta di dalam Skim yang dikehendaki oleh Jawatankuasa itu sesiapa yang memohon secara bertulis supaya beliau turut disertakan.

(2) Pengerusi Jawatankausa Skim hendaklah menghantar kepada Ketua Pengarah dalam Borang Tujuh butir-butir setiap pemastautin sukarelawan yang dimasukkan ke dalam skim itu di bawah perenggan (1) dalam masa tujuh hari dari tarikh penyertaannya.

(3) Seseorang pemastautin sukarelawan boleh pada bila-bila masa menarik diri daripada penyertaan dalam Skim itu melalui surat yang dialamatkan kepada pengerusi Jawatankuasa Skim itu dan pengerusi hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh penarikan diri itu mula berkuatkuasa, memberitahu Ketua Pengarah tentang penarikan diri tersebut dengan menghantar kepadanya butir-butir penarikan diri itu dalam Borang Lapan.

(4) Seseorang pemastautin sukarelawan hendaklah berhenti daripada menyertai sesuatu Skim sebaik sahaja ia berhenti bermastautin dalam Kawasan atau Sektor Pendaftaran di mana Skim itu dikendalikan.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

43

(5) Pengerusi sesuatu Jawatankuasa Skim hendaklah memberitahu Ketua Pengarah dalam masa tujuh hari apabila seseorang pemastautin sukarelawan berhenti bermastautin di dalam Kawasan atau Sektor Pendaftarannya, mengikut mana yang berkenaan, dengan menghantar kepada Ketua Pengarah butir-butir mengenai pemberhentian itu dalam Borang Lapan.

27O. Perbelanjaan untuk mengendalikan sesuatu Skim adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa Skim itu dan hendaklah dibayar dan dijelaskan perbelanjaan tersebut ia boleh memungut atau menerima di dalam Kawasan atau Sektor Pendaftarannya, mengikut mana yang berkenaan, wang-wang bagi maksud mengendalikan Skim itu mengikut peruntukan-peruntukan perenggan (4), (5) dan (96) peraturan 12, yang dalam hal ini hendaklah terpakai bagi Jawatankuasa Skim mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai bagi sesuatu Jawatankuasa Kawasan atau Jawatankuasa Sektor Pendaftaran, mengikut mana yang berkenaan.

27P. (1) Ketua Pengarah boleh, jika dia berfikir patut berbuat sedemikian, melalui notis bertulis yang dialamatkan kepada pengerusi sesuatu Jawatankuasa Skim dan tanpa memberikan apa-apa sebab baginya-

- (a) membatalkan kelulusannya bagi sesuatu Skim dan menamatkan pengendalian Skim itu;
- (b) menggantung pengendalian sesuatu Skim selama suatu tempoh yang tidak ditetapkan atau yang ditetapkan;
- (c) mengubahsuaikan sesuatu Skim yang telah diluluskan olehnya mengikut cara yang dinyatakan olehnya di dalam notis, sama ada atas kehendaknya sendiri, atau atas permohonan sesuatu Jawatankuasa Skim dan pengubahsuaian sedemikian boleh berhubung dengan apa-apa aspek Skim itu, termasuk kawasan tempatan tempat Skim itu dijalankan;

(d) Mengarahkan supaya mana-mana pemastautin berhenti daripada menyertai Skim itu, mulai dari suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, dan Pengerusi itu, Jawatankuasa Skim itu dan tiap-tiap pemastautin sukarelawan hendaklah melaksanakan notis itu mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika Ketua Pengarah menggantung pengendalian sesuatu Skim di bawah perenggan (1) bagi sesuatu tempoh yang tidak ditetapkan, dia boleh, jika dan apabila dia berfikir patut berbuat demikian, melalui notis bertulis yang dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Skim itu, dan tanpa memberikan apa-apa sebab baginya, membatalkan penggantungan itu dan membenarkan pengendalian Skim itu mulai dari suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Sesuatu notis di bawah perenggan (1) dan (2) boleh mengandungi arahan-arahan atau peruntukan-peruntukan tambahan, sampingan atau berbangkit sebagaimana yang difikirkan oleh Ketua Pengarah perlu, suaimanfaat atau sesuai diberikan atau diperuntukkan, termasuk arahan-arahan berhubung dengan apa-apa wang yang dipegang oleh Jawatankuasa Skim bagi pengendalian Skim itu.

Pengarah boleh
Melaksanakan
Fungsi-fungsi dsb.
Ketua Pengarah
P.U.(A)
23/88

27 Q. Mana-mana tugas, kuasa dan kewajipan Ketua Pengarah di bawah peraturan 27A hingga 27P boleh dilaksanakan, dijalankan atau disempurnakan oleh seorang Pengarah yang diberikuasa oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa sekatan, batasan atau syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah.

Pekerjaan tidak boleh
Mengalami
Kehilangan saraan atau
apa-apa mudarat.

28. (1) Seseorang majikan tidak boleh mengenakan kepada seseorang pekerja apa-apa kehilangan saraan atau apa jua mudarat oleh sebab pekerja itu dikehendaki menjalankan atau mematuhi apa-apa arahan di bawah Peraturan-peraturan ini atau mana-mana Perintah.

(2) Bagi maksud peraturan ini apa-apa persoalan mengenai sama ada seseorang pekerja telah mengalami

PERLU (RUKUN TETANGGA)

45

Kehilangan saraan atau apa-apa mudarat hendaklah diputuskan oleh seseorang Pengarah dan keputusan Pengarah itu adalah muktamat.

29. Tiada seseorang pemastautin boleh dibayar apa jua saraan atau bayaran berkenaan dengan apa-apa kewajipan atau tugas di bawah Peraturan-peraturan ini atau mana-mana Perintah.

Tiada apa-apa saraan Perlu dibayar kepada Seseorang pemastautin berhubung dengan menjalankan apa-apa kewajipan atau tugas di bawah Peraturan-peraturan ini.

30. Jika seseorang pemastautin telah mendapat apa-apa kecederaan dalam masa menjalankan tugasnya dalam mana-mana tempat dalam Malaysia (sama ada dalam luar kawasan keselamatan), Peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Pampasan Bencana Orang Awam) 1960 hendaklah dipakai seolah-olah bencana itu telah disebabkan dalam sesuatu kawasan keselamatan sebagai akibat secara langsung dan boleh disebabkan kepada perisytiharan kawasan itu sebagai suatu kawasan keselamatan dengan perisytiharan di bawah seksyen 47 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan pemastautin yang mendapat bencana itu atau, jika ia telah mati akibat bencana itu, tanggungan atau tanggungan-tanggungan, boleh dengan sewajarnya membuat tuntutan dan tuntutan itu hendaklah diuruskan di bawah Peraturan-peraturan tersebut di atas.

Pampasan bagi kecederaan.

P.U.193/60.

Akta 82.

31. (1) Seseorang pemastautin berkelayakan yang pada masa bertugas meronda atau mengawal-

Kesalahan-kesalahan oleh seseorang peronda atau pengawal terhadap disiplin.

- (a) dengan sengaja memberi maklumat palsu mengenai apa-apa perkara;
- (b) tidak mengikut perintah sah di sisi undang-undang Pemerintahnya atau sesebuah Jawatankuasa atau mana-mana ahli sesuatu Jawatankuasa atau seorang Pengarah;

- (c) menggunakan bahasa lujah, maki hamun, atau aib pada masa bertugas;
- (d) tidur atau berjudi pada masa bertugas;
- (e) tidak hadir untuk bertugas tanpa sebab-sebab yang berpatutan;
- (f) didapati di bawah pengaruh alkohol atau apa-apa dadah pada masa bertugas;
- (g) secara cuai atau tanpa sebab-sebab yang berpatutan menyebabkan terlepasnya tembakan sesuatu senjata api pada masa bertugas; atau
- (h) bertindak dengan apa-apa cara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan-peraturan ini iaitu yang memudaratkan kebajikan sesuatu Sektor,

Adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

Pengecualian.

32. Orang-orang berikut adalah dikecualikan daripada diwajibkan dilantik berkhidmat sebagai seorang Ketua Jiran atau bertugas meronda atau mengawal di bawah Peraturan-peraturan ini:

- (a) wakil-wakil diplomat atau konsul yang bertauliah dan pekerja-pekerja diplomat atau konsul yang tidak berdomisil dalam Malaysia;
- (b) orang-orang sakit otak termasuk dalam erti mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa dalam Malaysia berhubung dengan orang-orang sakit otak atau orang-orang yang didapati tidak siuman di bawah peruntukan-peruntukan Bab XXXIII Kanun Acara Jenayah, Negeri-negeri Malayu Bersekutu, selagi sakit otak atau tidak siuman itu masih berlaku;
- (c) orang-orang yang diperakui oleh dua orang pengamal perubatan berdaftar sebagai buat; dan

PERLU (RUKUN TETANGA)

47

- (d) mana-mana orang lain kategori orang-orang yang dikecualikan daripada perjalanan kuat kuasa Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah.

33. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap orang pemastautin sesuatu Sektor untuk memberi kepada seseorang Ketua Jiran atau kepada seseorang Jawatankuasa atau seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa atau kepada seseorang Pengarah apa-apa maklumat yang mungkin ada-

- (a) berkenaan dengan perlakuan sesuatu kesalahan, atau apa-apa percubaan atau persediaan untuk melakukan sesuatu kesalahan, oleh mana-mana tempat, sama ada di dalam atau di luar Sektor itu; atau
- (b) berkenaan dengan perlakuan sesuatu kesalahan, atau apa-apa percubaan atau persediaan untuk melakukan sesuatu kesalahan dalam Sektor itu, oleh mana-mana orang, sama ada orang itu tinggal di dalam atau luar Sektor.

(2) Jika seseorang keluarga bermastautin bersama dalam satu premis dalam sesuatu sektor dan terdapat bukti terhadap mana-mana ahli keluarga itu sesuatu tuduhan bagi sesuatu perlakuan bagi sesuatu kesalahan yang mana lain-lain ahli keluarga yang sama bermastautin sepatutnya, mengikut perjalanan biasa kejadian-kejadian, mengetahuinya, maka tiap-tiap seorang ahli keluarga itu yang berumur lebih daripada empat belas tahun hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas suatu kesalahan kerana telah tidak mematuhi peruntukan-peruntukan perenggan (1) melainkan jika dia boleh membuktikan bahawa kesalahan berhubung dengan tuduhan yang dibuktikan itu telah dilakukan atau satu percubaan atau persediaan untuk melakukan kesalahan itu telah dibuat tanpa pengetahuannya.

Kewajipan Pemastautin berhubung dengan aktiviti-aktiviti yang memudaratkan atau membencanakan masyarakat Sektor.

34. Jika seseorang pemastautin mempunyai sesuatu pengetahuan tentang apa-apa aktiviti dalam Sektor atau Kawasan iaitu aktiviti yang, walaupun tidak menjadi suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang, walau bagaimanapun adalah memudaratkan atau membencanakan ekonomi, moral, sosial atau kebajikan sesuatu masyarakat Sektor atau Kawasan, adalah sah di sisi undang-undang baginya, dan adalah juga menjadi kewajipannya, memberitahu kepada seseorang Ketua Jiran atau seorang Ketua Jiran Kawasan atau kepada sesuatu Jawatankuasa atau sesuatu Jawatankuasa Kawasan atau kepada seorang Pengarah apa-apa maklumat yang ada padanya berkenaan dengan orang yang terlibat dalam aktiviti itu.

Kuasa Pengarah untuk memberi Arahan kepada Mana-mana Jawatankuasa, Ketua Jiran atau pemastautin

35. Seseorang Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, memberi apa-apa arahan kepada sesuatu Jawatankuasa, Ketua Jiran atau pemastautin yang difikirkannya perlu atau patut, iaitu arahan-arahan yang tidak berlawanan dengan Peraturan-peraturan ini atau mana-mana Perintah, dan adalah menjadi kewajipan kepada Jawatankuasa atau Ketua Jiran atau pemastautin itu, mengikut mana yang berkenaan, untuk mentadbir, menjalankan dan menguatkuasakan arahan-arahan itu.

Kuasa Pengarah untuk menghendaki ahli-ahli Jawatankuasa, Ketua Jiran atau pemastautin supaya hadir menerima arahan, latihan dll.

36. Seseorang Pengarah boleh menghendaki mana-mana ahli sesebuah jawatankuasa, atau seseorang Ketua Jiran, atau seseorang pemastautin, supaya hadir, sama ada secara berseorangan atau secara beramai-ramai di hadapan seseorang Pengarah atau di hadapan orang tertentu yang boleh dinyatakan oleh seseorang Pengarah bagi maksud-maksud yang difikirkan perlu atau suaimanfaat oleh seseorang Pengarah untuk menguatkuasakan Peraturan-peraturan ini atau mana-mana Perintah, termasuklah bagi maksud menerima arahan atau latihan berhubung dengan pelaksanaan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas atau menjalankan kuasa-kuasa di bawah Peraturan-peraturan ini atau mana-mana Perintah, dan kehendak-kehendak seseorang Pengarah itu hendaklah dipatuhi dengan sewajarnya.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

37. (1) Jika seseorang Pengarah menerima apa-apa laporan atau maklumat daripada sesebuah Jawatankuasa atau sesebuah Jawatankuasa Kawasan atau seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa atau sesuatu Jawatankuasa Kawasan, atau daripada seseorang Ketua Jiran atau daripada seseorang Ketua Jiran Kawasan atau daripada seseorang pemastautin, berkenaan dengan apa-apa perkara yang termasuk dalam tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan sesuatu Jawatankuasa atau sesuatu Jawatankuasa Kawasan atau seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa Kawasan, atau seseorang Ketua Jiran atau seseorang Ketua Jiran Kawasan, atau seseorang pemastautin, mengikut mana yang berkenaan, atau jika ia menerima apa-apa laporan atau maklumat selainnya berkenaan dengan sesuatu Sektor atau sesuatu Kawasan, maka Pengarah itu hendaklah mengambil tindakan tertentu berhubung dengannya yang mungkin sesuai, dan boleh menyampaikan laporan atau maklumat itu atau mana-mana bahagian daripadanya kepada mana-mana pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun, yang mungkin diberi kuasa untuk mengambil tindakan berhubung dengan laporan atau maklumat itu.

Kuasa Pengarah berhubung dengan laporan dan maklumat daripada sesuatu Jawatankuasa, seseorang Ketua Jiran, atau seseorang pemastautin
P.U. (A)
389/82.

(2) Jika sesuatu laporan atau maklumat disampaikan di bawah perenggan (1), adalah menjadi kewajipan pegawai awam, atau pegawai pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun itu, mengikut mana yang berkenaan, untuk mengambil, seberapa segera yang praktik, segala langkah yang mungkin wajar atau perlu diambil berhubung dengannya, dan kemudiannya, untuk memberitahu Pengarah itu tentang langkah-langkah yang diambil.

(3) Jika sesuatu laporan atau maklumat telah disampaikan di bawah perenggan (1), Menteri boleh mengarahkan pegawai awam, atau pegawai pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun itu, mengikut mana yang berkenaan, supaya mengambil apa-apa

tindakan berhubung denganya yang difikirkan sesuai oleh Menteri untuk dinyatakan dalam arahan itu dan arahan itu hendaklah dipatuhi sewajarnya.

Kuasa untuk menangkap, menyita, menyiasat dan mendakwa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Peraturan-peraturan ini.

38. Bagi maksud mana-mana undang-undang yang berhubung dengan acara jenayah sesuatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini hendaklah disifatkan sebagai suatu kesalahan yang boleh ditangkap, dan seseorang Pengarah atau mana-mana pegawai polis boleh-

- (a) menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia ada sebab mempercayai telah melakukan sesuatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini:

Dengan syarat bahawa apabila mana-mana orang telah ditangkap seperti tersebut di atas dia hendaklah kemudian daripada itu diuruskan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang berhubung dengan acara jenayah yang berkuat kuasa pada masa itu; dan

- (b) menyita apa-apa benda yang difikirkannya perlu disita berhubung dengan keterangan yang diperlukan untuk mengukuhkan perlakuan bagi apa-apa kesalahan.

(2) Seseorang Pengarah, atau mana-mana pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Sarjan, atau mana-mana pegawai bertugas menjaga sesuatu balai polis boleh, berhubung dengan sesuatu penyiasatan berkenaan dengan sesuatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini, tanpa Pendakwa Raya menjalankan kuasa-kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis yang diberi oleh undang-undang berhubung dengan acara jenayah dalam mana-mana kesalahan boleh ditangkap.

(3) Sesuatu pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini boleh dijalankan oleh seseorang Pengarah.

PERLU RUKUN TETANGGA

51

39. Jika seseorang Pengarah atau mana-mana pegawai polis-

Kuasa untuk memasuki premis

- (a) ada alasan-alasan yang munasabah mempercayai bahawa sesuatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini telah dilakukan; atau
- (b) hendak menguji ketetapan sesuatu Borang yang diisikan oleh mana-mana orang di bawah Peraturan-peraturan ini atau ketepatan apa-apa maklumat atau laporan yang diberikan kepada seseorang Pengarah di bawah Peraturan-peraturan ini; atau
- (c) hendak mendapatkan apa-apa maklumat bagi maksud Peraturan-peraturan ini,

Ia boleh memasuki mana-mana premis dan boleh menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan yang difikirkannya perlu dan boleh menyita atau menahan apa-apa benda atau dokumen yang didapati dalam premis itu iaitu yang boleh memberi keterangan tentang sesuatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

40. (1) Jawatankuasa-jawatankuasa bagi dua Sektor atau lebih, sama ada Sektor-sektor itu bersambungan atau tidak, boleh menyatukan aktiviti-aktiviti mereka secara yang difikirkan perlu atau patut.

Penyatuan antara Jawatankuasa-Jawatankuasa.

(2) Jika Jawatankuasa-jawatankuasa bagi dua Sektor atau lebih berpendapat adalah patut bahawa dalam penyatuan aktiviti-aktiviti mereka itu adalah perlu bagi semua atau mana-mana Ahli Jawatankuasa, Ketua Jiran, atau pemastautin berkeelayakan pada masa menjalankan tugas-tugas meronda atau mengawal, menjalankan tugas-tugas, kewajipan-kewajipan atau kuasa-kuasa dalam sesuatu Sektor atau Sektor-sektor lain daripada Sektor atau Sektor-sektor lain daripada Sektor mereka masing-masing, adalah sah di sisi undang-undang bagi mereka membuat

sedemikian tertakluk kepada sesuatu ketetapan yang bermaksud sedemikian diluluskan oleh tiap-tiap satu Jawatankuasa berkenaan serta dengan kelulusan secara bertulis seseorang Pengarah dan tertakluk kepada pematuhan apa-apa arahan yang boleh diberikan oleh seseorang Pengarah mengenai perkara itu.

(3) Seseorang Pengarah boleh mengarahkan secara bertulis dua atau lebih Jawatankuasa supaya bertindak secara bersatu mengikut dan sekatan mana yang dinyatakan oleh Pengarah itu dalam arahan tersebut, dan bagi hal sedemikian, adalah menjadi kewajipan Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan supaya mentadbir, menjalankan dan menguatkuasakan arahan itu, dan apa-apa yang dibuat mana-mana orang menurut arahan itu hendaklah disifatkan sebagai sah di sisi undang-undang.

Kesalahan-kesalahan menggalang, menyerang, menghasut melakukan kesalahan dll.

41. (1) Mana-mana orang yang menghalang, menasihatkan supaya jangan atau menegah atau mencuba menghalang, menasihatkan supaya jangan atau menegah atau membantu dalam menghalang, menasihatkan supaya jangan atau menegah, mana-mana orang daripada menjalankan tugas-tugas, kewajipan-kewajipan atau kuasa-kuasanya di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah, adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

P.U. (A) 289/82.

(2) Mana-mana orang yang menggunakan apa-apa perkataan, bahasa, tanda atau isyarat yang kesat atau menghina terhadap atau menyerang mana-mana orang yang menjalankan tugas-tugas, kewajipan-kewajipan atau kuasa-kuasanya di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah atau mana-mana orang yang bertindak secara membantu atau menolong orang yang menjalankan mana-mana tugas, kewajipan atau kuasa itu adalah bersalah atau suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

PERLU (RUKUN TETENGA)

53

(3) Mana-mana orang yang menyelamatkan atau mencuba menyelamatkan atau menyebabkan diselamatkan apa-apa yang telah disita dengan sewajarnya adalah bersalah atas sesuatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

(4) Mana-mana orang yang sebelum atau selepas sesuatu penyitaan, membinasakan atau dengan cara apa jua merosakkan benda yang disita kerana hendak menghalang penyitaan benda itu atau benda itu dari diperolehi adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

(5) Mana-mana orang yang menyebabkan, menghasut atau memujuk atau mencuba menyebabkan, menghasut atau memujuk atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikira boleh menyebabkan, menghasut atau memujuk atau berpakat sulit dengan, mana-mana orang untuk melakukan sesuatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

42. Mana-mana orang yang berpura-pura sebagai atau mengakudiri secara palsu sebagai seseorang yang berhak menjalankan apa-apa tugas, kewajipan atau kuasa di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah sama ada ia melakukan atau mencuba melakukan apa-apa perbuatan atas sifat orang itu, adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

Akudiri

43. Mana-mana orang yang memberi apa-apa maklumat bagi maksud Peraturan-peraturan ini dengan mengetahui atau secara cuai membuat apa-apa kenyataan yang palsu dalam sesuatu perkara mustahak adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini.

Kenyataan palsu

Penalti
P.U. (A)
379/82.

44. (1) Mana-mana orang yang melakukan sesuatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini yang mana tiada sesuatu penalti lain dinyatakan hendaklah, apabila disabitkan kesalahannya, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun, atau dengan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

(2) Dalam peraturan ini, “kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini” termasuklah-

- (a) apa-apa pelanggaran terhadap atau apa-apa kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-peraturan ini atau mana-mana Perintah yang belum lagi ditentukan dalam Peraturan-peraturan ini atau dalam Perintah itu, mengikut mana yang berkenaan, sebagai suatu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini atau di bawah Perintah itu, mengikut mana yang berkenaan;
- (b) apa-apa kesalahan di bawah mana-mana Perintah;
- (c) apa-apa pelanggaran terhadap atau apa-apa kegagalan mematuhi terma dan syarat apa-apa kebenaran atau kuasa yang diberi di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah; atau
- (d) apa-apa kegagalan mematuhi apa-apa permintaan, kehendak, arahan atau petunjuk yang dibuat atau diberi dengan sahnya di bawah Peraturan-peraturan ini atau di bawah mana-mana Perintah.

45. *(Dimansuhkan oleh P.U. (A) 389/82).*

PERLU (RUKUN TETANGGA)

55

46. Apabila seseorang itu dituduh atas lebih daripada satu kesalahan terhadap Peraturan-peraturan ini dia boleh dipertuduh dan dibicarakan serentak bagi seberapa banyak kesalahan-kesalahan itu.

Cantuman
kesalahan-
kesalahan

47. Seseorang Pengarah atau seseorang pegawai yang dilantik di bawah Peraturan-peraturan ini, seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa Sektor Pendaftaran, sesuatu Jawatankuasa Sektor Keselamatan, sesuatu Jawatankuasa Kawasan atau sesuatu Jawatankuasa Skim, atau seseorang Ketua Jiran, atau seseorang Ketua Jiran Kawasan, atau seseorang pemastautin berkelayakan atau pemastautin sukarelawan pada masa bertugas meronda atau mengawal, hendaklah disifatkan sebagai seorang perkhidmatan awam dalam erti Kanun Kesiksaan yang berkuat kuasa dalam Malaysia

Kanun Kesiksaan
P.U. (A)
23/88

N.M.B.
Bab.45.

48. Akta Perlindungan Pihak berkuasa Awam 1948 adalah dipakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau lain-lain perbicaraan terhadap seseorang Pengarah, atau seseorang pegawai yang dilantik di bawah Peraturan-peraturan ini, atau seseorang ahli sesuatu Jawatankuasa Sektor Pendaftaran, sesuatu Jawatankuasa Sektor Keselamatan, sesuatu Jawatankuasa Kawasan, atau sesuatu Jawatankuasa Skim, atau seseorang Ketua Jiran, atau seseorang Pemastautin berkelayakan, atau seseorang pemastautin sukarelawan, berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau kemungkinan yang dibuat atau dilakukan berhubung dengan Peraturan-peraturan ini atau mana-mana Pertintah.

Perlindungan pihak
berkuasa – pihak
berkuasa awam.
Akta 198.
P.U. (A)
23/88.

49. Peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini dan peruntukan-peruntukan mana-mana Perintah hendaklah dipakai walau apa jua undang-undang, kecuali akta (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1979 yang berlawanan.

Peraturan-peraturan
ini hendaklah
dipakai Akta 216
P.U. (A)
389/82.

**JADUAL
BORANG SATU
(Peraturan 6)
PERATURAN-PERATURAN PERLU RUKUN TETANGGA) 1975
(Peraturan 6)
BUTIRAN-BUTIRAN PEMASTAUTIN SEKTOR**

56

(1) Nama Sektor

(2) Alamat tempat pemastautin sedang bermastautin dalam Sektor

(1)	(2)		(3)			(4)	(5)				(6)	(7)	(8)	(9)	
NAMA	*JANTINA		TARIKH DILAHIRKAN			NO. KAD PENGENALAN PENDAFTARAN NEGARA	* WARNA K.P.P.N.				KEWARGA- NEGARAAN	KETUA RUMAH/ HUBUNGAN DENGAN KETUA RUMAH	PEKERJAAN/ PERNIAGAAN	TANDATANGAN DAN TARIKH	
	Lelaki	Perempuan	Hari	Bulan	Tahun		Biru	Merah	Hijau	Coklat					
						BAHAGIAN I – BUTIR-BUTIR MENGENAI PEMASTAUTIN- PEMASTAUTIN YANG BERUMUR LEBIH DARIPADA 15 TAHUN YANG BERMASTAUTIN DI ALAMAT INI [Untuk diisi oleh setiap pemastautin sedemikian berkenaan dengan dirinya dan ditandatangani dan dimasukkan tarikh olehnya dalam Ruang (9).]									

P. U. (A) 279/75

Kehendak-kehendak yang kena dipatuhi semasa mengisi Borang ini

1. Bahagian I Borang ini hendaklah diisi secara individu oleh setiap pemastautin yang berumur lebih daripada 15 tahun berkenaan dengan dirinya dan ditandatangani olehnya dalam Ruang (9) dan tarikh ia menandatangani sedemikian hendaklah dimasukkan dalam Runag itu. Ia hendaklah bertanggungjawab bagi kebenaran dan betulnya butir-butir berkenaan dengan dirinya.
2. Borang ini boleh diisi dan dihantar berasingan oleh setiap orang yang berumur lebih daripada 15 tahun yang bermastautin di alamat di atas atau bersesama oleh dua atau lebih orang yang berumur lebih daripada 15 tahun yang bermastautin di situ.
3. Dalam Ruang (7) pemastautin hendaklah menyatakan sama ada ia adalah ketua rumah, dan jika ia bukan ketua rumah ia hendaklah menyatakan perhubungannya dengan ketua rumah itu. Bagi maksud Ruang (7):

“ketua rumah” ertinya ketua ahli-ahli lain keluarga yang bermastautin dengannya di alamat itu, atau majikan atau tuan rumah orang-orang lain yang bermastautin dengannya di alamat itu atau selainnya dengan apa-apa cara jua pun sebagai ketua orang-orang lain yang bermastautin dengannya di alamat itu; dan

“perhubungan” meliputi perhubungan sebagai saudara ketua rumah, atau sebagai pengkhidmat, pekerja atau penyewanya, atau selainnya dengan apa-apa cara jua pun.
4. Bahagian II Borang ini hendaklah diisi oleh ketua rumah, dan ia hendaklah bertanggungjawab bagi kebenaran dan betulnya butir-butir berkenaan dengan setiap orang pemastautin yang menamakan dalam Bahagian ini.

PERLU (RUKUN TETANGGA)

BORANG DUA

(Dimansuhkan oleh P.U.(A) 23/88)

BORANG TIGA

(Dimansuhkan oleh P.U.(A) 389/82)

BORANG EMPAT

(Dimansuhkan oleh P.U.(A) 23/88)

BORANG LIMA

(Peraturan 16)

PERATURAN-PERATURAN PERLU (RUKUN TETANGGA) 1975

(Peraturan 16)

BUTIR-BUTIR PELAWAT

Sektor Rukun Tetangga :

Nama :

.....

Alamat :

.....

NOMBOR K.P.P.N.: TARIKH DILAHIRKAN :.....

TEMPAT DILAHIRKAN:

PEKERJAAN :.....

Nama dan Alamat Tuan Rumah:

Nama

Alamat

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tempoh Penginapan Yang Dicapangkan:

Dari :

Hingga :

Tarikh dan Masa Tiba :

Tarikh dan Masa Bertolak :

Tarikh :

.....

Tandatangan Pelawat

P.U. (A) 279/75

BORANG ENAM

(Peraturan 27A)

**PERATURAN-PERATURAN PERLU
(RUKUN TETANGGA), 1975
(Peraturan 27A)**

**PERMOHONAN BAGI PENGENDALIAN SUATU SKIM
RONDAAN SUKARELA**

BAHAGIAN A

Permintaan oleh Pemastautin – pemastautin kepada * Jawatankuasa
Kawasan Rukun Tetangga/* Jawatankuasa Sektor Pendaftaran

Kami, pemastautin-pemastautin _____ * Kawasan Rukun Tetangga

_____ * Sektor Pendaftaran

yang dinyatakan di bawah dalam perenggan 3 (A), yang nama-nama,
butir-butir dan tandatangan-tandatangannya adalah disebutkan dalam
senarai di bawah Butiran (F) di bawah, ingin sebutkan dalam senarai di
bawah Butiran (F) di bawah, ingin

_____ *Jawatankuasa Kawasan

meminta _____ mengendalikan

_____ * Jawatankuasa Sektor Pendaftaran

suatu Skim Rondaan Sukarela seperti yang dicadangkan di bawah.

2. Kami dengan ini masing-masing mengakujnji akan
menjalankan rondaan itu dan dengan semua cara lain menyertai Skim
Rondaan Sukarela itu mengikut cara dicadangkan di bawah dan
mengikut-

(a) _____ apa-apa ubahsuai kepadanya yang dibuat dari
semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah, atau oleh

_____ * Jawatankuasa Kawasan dan diluluskan

_____ * Jawatankuasa Sektor Pendaftaran
oleh Ketua Pengarah; dan

(b) _____ peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini
atau apa-apa Perintah di bawahnya yang sedang berkuat
kuasa yang terpakai bagi Skim Rondaan Sukarela.

3. Kami masing-masing memperakui bahawa butir-butir yang
diberikan berkenaan dengan diri sendiri dalam senarai di bawah Butiran

(F) di bawah adalah benar dan betul.

(Borang 6)
61

PERLU (RUKUN TETANGGA)
SKIM RONDAAN SUKARELA YANG DICADANGKAN

- (A) Nama * Kawasan Rukun Tetangga/*Sektor Pendaftaran:
.....
.....
- (B) Nyatakan sama ada rondaan akan dijalankan dalam keseluruhan Kawasan Rukun Tetangga atau Sektor Pendaftaran itu atau hanya dalam sebahagiannya sahaja, dan jika ia akan dijalankan dalam sebahagiannya perihalkan tempat yang di dalamnya ia akan dijalankan, nyatakan sempadan-sempadan, dan kepilkan suatu pelan lakar, tempat itu:
.....
.....
.....
- (C) Sebab-sebab bagi pengendalian Skim;
.....
.....
.....
- (D) (i) Hari-harinya dalam sesuatu minggu rodadaan akan dibuat:
.....
.....
.....
(ii) Waktu-waktu rondaan akan dibuat pada tiap-tiap hari:
.....
(iii) Bilangan syif dalam rondaan yang akan dibuat dan waktu-waktu dalam sesuatu hari untuk tiap-tiap syif:
.....
(iv) Bilangan peronda dalam tiap-tiap syif:
.....
- (E) Alamat pusat rondaan yang hendaklah di dalam Kawasan Rukun Tetangga atau Sektor Pendaftaran di mana rondaan akan dijalankan, atau jika rondaan akan dijalankan dalam sebahagian daripada Kawasan Rukun Tetangga atau Sektor Pendaftaran itu, di dalam tempat ia akan dijalankan:
.....
.....
.....
.....

(F) Butir-butir dan Tandatangan Pemastautin-pemastautin yang membuat Permintaan ini:

No. Siri	Nama	Kad Pengenalan Pendaftaran Negara		Tarikh Lahir	Jantina	Pekerjaan Atau Perniagaan	Alamat Kediaman	Alamat Tempat Pekerjaan atau Perniagaan	Kewarganegaraan	Tandatangan dan Tarikh
		Nombor	Warna							

PERLU (RUKUN TETANGGA)

63

BAHAGIAN B

(Permohonan kepada Ketua Pengarah oleh * Jawatankuasa Rukun Tetangga / *
Jawatankuasa Sektor Pendaftaran)

*Jawatankuasa Kawasan

1. untuk Kawasan Rukun Tetangga di atas dengan ini

* Jawatankuasa Sektor Pendaftaran untuk Sektor
Pendaftaran di atas

memohon supaya Skim Rondaan Sukarela yang dicadangkan
dalam Bahagian A diluluskan * tanpa apa-apa ubahsuaian

* dengan ubahsuaian –ubahsuaian
yang berikut

.....
.....
.....

(Nyatakan dengan penuh ubahsuaian-ubahsuaian yang dicadangkan)

* Jawatankuasa

2. Sebab-sebab mengapa * Jawatankuasa Sektor Pendaftaran

* supaya Skim

membuat permohonan yang dicadangkan diluluskan

* dan supaya ubahsuaian -ubahsuaian
di atas dibuat

kepadanya adalah seperti yang berikut;

.....
.....
.....

Tarikh : Tandatangan :

Pengerusi

* Jawatankuasa Kawasan

* Jawatankuasa Sektor Pendaftaran

.....

***BAHAGIAN C**

(Untuk diisi oleh Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga atau Jawatankuasa
Sektor Pendaftaran jika ia tidak berhasrat memohon supaya Skim Rondaan
Sukarela yang dicadangkan itu diluluskan

* Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga tidak berhasrat

* Jawatankuasa Sektor Pendaftaran

(Borang 6-7)

P.U. (A) 279/75

64

memohon kelulusan untuk Skim Rondaan Sukarela yang dicadangkan dalam Bahagian A kerana sebab-sebab yang berikut:

.....
.....
.....
.....
.....

Tarikh : Tandatangan:.....

Pengerusi,

* Jawatankuasa Kawasan

* Jawatankuasa Sektor Pendaftaran

* potong jika tidak berkenaan.

BORANG KETUJUH

[(Peraturan 27N (2))]

PERATURAN-PERATURAN PERLU
(RUKUN TETANGGA)1975

[(Peraturan 27N (2))]

**PEMBERITAHUAN KEMASUKAN PEMASTAUTIN
SUKARELAWAN BARU DALAM SKIM
RONDAAN SUKARELA**

1. Nama * Kawasan Rukun Tetangga / * Sektor Pendaftaran:

.....
.....

2. Butir-butir mengenai pemastautin sukarelawan baru;

(a) Nama :

(b) No. K.P.P.N. :

(c) Warna K.P.P.N:

(d) Tarikh dilahirkan :

(e) Jantina :

(f) * Pekerjaan /*peniagaan :

(g) Alamat Kediaman :

(h) Alamat tempat * pekerjaan /* perniagaan:

.....
.....

(i) Kewarganegaraan :

(j) No. Pasport (jika pemastautin sukarelawan bukan warganegara Malaysia).....

.....

PERLU (RUKUN TETANGGA)

- (k) Tarikh ia mula-mula menjadi pemastautin sukarelawan:

.....

Saya mengesahkan bahawa butir-butir di atas adalah benar dan betul dan saya mengaku janji akan menjalankan rondaan dan dalam semua cara lain menyertai Skim Rondaan Sukarela berkenaan dengan * Kawasan Rukun Tetangga di atas mengikut

* Sektor Pendaftaran

Skim itu dalam bentuknya yang ada sekarang, dan mengikut-

- (a) apa-apa ubahsuaian kepadanya yang boleh dibuat dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah, atau oleh * Jawatankuasa Kawasan dan diluluskan * Jawatankuasa Sektor Pendaftaran oleh Ketua Pengarah ; dan
- (b) Peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini atau apa-apa Perintah di bawahnya yang sedang berkuat kuasa yang terpakai bagi Skim Rondaan Sukarela.

Tarikh:

Tandatangan Pemastautin Sukarelawan

Tarikh:

Pengerusi

** Jawatankkuasa Kawasan Rukun Tetangga*

** Jawatankuasa Sektor Pendaftaran*

* Potong jika tidak berkenaan

BORANG LAPAN

**PERATURAN-PERATURAN PERLU
(RUKUN TETANGGA), 1975
[(Peraturan 27N (3) dan (5))]**

**PEMBERITAHUAN PENGHENTIAN PENYERTAAN
DALAM SKIM RONDAAN SUKARELA**

No. Pemastautin sukarelawan :

No. K.P.P.N.:

Alamat :

.....

.....

.....

[Borang 8]

66

P.U. (A) 279/75

Pemastautin sukarelawan yang dinamakan di atas dalam Skim Rondaan Sukarela di *Kawasan Rukun Tetangga
* Sektor Pendaftaran

.....
telah mulai dari

*(a) menarik diri daripada penyertaan dalam Skim tersebut.

*(b) berhenti bermastautin di * Kawasan Rukun Tetangga
* Sektor Pendaftaran

itu dan berhenti daripada menyertai Skim tersebut.

Tarikh:

Pengerusi

* Jawatankkuasa Kawasan Rukun Tetangga

* Sektor Pendaftaran

* Potong jika tidak berkenaan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

PERATURAN-PERATURAN PERLU
(RUKUN TETANGGA) 1975

(P.U. (A) 279/75)

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang mem inda	Tajuk Ringkas	Bermula berkuat kuasa
P.U. (A) 389/82.....	Peraturan-peraturan (Rukun Tetangga) (Pindaan) 1982	1-1-1983
P.U. (A) 23/88	Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) (Pindaan) 1988	9-6-1988